



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KETIGA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

Pada
14 SEPTEMBER 2023

Disediakan oleh
**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
HARI KHAMIS, 14 SEPTEMBER 2023		
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	5
3.	Menjalankan Kerja Mengangkat Sumpah Ahli Dewan Negeri.	5
4.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	6
5.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	6
5.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	7
6.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	25
8.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2023.	25
9.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2023.	27
10.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (Pindaan) 2023.	30
11.	Rundingan Mengenai Penyata Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor Bilangan 1 Tahun 2023.	37
12.	Penangguhan.	43
13.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	44

PENYATA RASMI
MESYUARAT KETIGA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15

HARI KHAMIS

14 SEPTEMBER 2023

BIL. 7 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker,
YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Machap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya
Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**
Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan
Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi
Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : MENJALANKAN KERJA MENGANGKAT SUMPAH AHLI DEWAN NEGERI.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Maju Johor dan Salam Madani.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat yang telah memenangi kerusi Parlimen Pulaui dan Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman yang telah memenangi kerusi Ahli Dewan Negeri kawasan Simpang Jeram pada Pilihan Raya Kecil Negeri pada 9 September 2023 yang lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan menjalankan kerja mengangkat sumpah oleh Ahli Dewan Negeri Kawasan Simpang Jeram.

Dengan ini, saya persilakan Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Nazri Abdul Rahman.

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram) : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Bahawa adalah saya, Nazri bin Abdul Rahman yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* bagi negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah atau berikrar dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajiban saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Ahli Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* yang tersebut itu, dan saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor, barang ditolungi Allah akan saya.

YB Speaker : Demikianlah tadi upacara mengangkat sumpah Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri kawasan Simpang Jeram. Marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah SWT dan berjanji untuk bekerjasama demi kepentingan rakyat di negeri Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita berharap selepas ini tidak ada lagi Pilihan Raya Kecil di negeri Johor. Sebab itu, jaga kesihatan, jangan tension, jangan merokok dan selalu pergi *gym* macam Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Marilah kita terus memikul tugas sebagai Wakil Rakyat yang berat ini dengan penuh amanah, ingat kepada titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor peliharalah imej dan kredibiliti Dewan Negeri Johor yang mulia ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, negara boleh baik kalau peraturan kepada negara, baik. Siapakah yang membuat peraturan kepada negara, sudah tentu kita, Wakil-Wakil Rakyat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sudah 18 bulan kita menjadi Wakil Rakyat, ada yang 2 hingga 4 penggal. Pengalaman bertambah sepatutnya kita bertambah matang, bercakap soal pengalaman, saya mengambil analogi ini, sekumpulan penjahat merompak sebuah bank, setelah mereka berkumpul di satu tempat, perompak *senior* yang berkelulusan MBA mencadangkan supaya mereka mula mengira jumlah wang yang dirompak kerana ia terlalu banyak. Tetapi perompak *senior* yang hanya berkelulusan sekolah rendah berkata, tidak perlu, kita tunggu sahaja warta berita, berita perdana akan melaporkan sebuah bank telah dirompak termasuk berapa jumlah wang yang dirompak, dengan kata lain, perompak tidak perlu buang masa mengira wang yang begitu banyak. Begitulah pentingnya pengalaman, semoga pertambahan pengalaman akan membantu Ahli-Ahli Yang Berhormat komited,

membahas peraturan kepada negeri yang baik demi kemakmuran Johor dan rakyat yang kita wakili. Terima kasih.

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan Yang Berhormat Datuk Sri Haji Salahuddin bin Ayub, Ahli Dewan Negeri Kawasan Simpang Jeram mulai 10 Mei 2018 hingga 22 Januari 2022 dan 13 Mac 2022 sehingga Allahyarham kembali ke rahmatullah pada 23 Julai 2023. Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Yang Berhormat Datuk Sri Haji Salahuddin bin Ayub.

Marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan bagi orang-orang Islam marilah kita membaca dan menghadiahkan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur selama satu minit. Al-Fatihah. (Berdiri). Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Maju Johor, Salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 hingga 27 Tahun 2023.

- | | | |
|------------------------|---|---|
| Bilangan 24 Tahun 2023 | - | Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua Tahun 2023. |
| Bilangan 25 Tahun 2023 | - | Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2023. |
| Bilangan 26 Tahun 2023 | - | Laporan Ketua Audit Negara Johor Tahun 2021 dan Penyata Memorandum mengenai : <ul style="list-style-type: none">• Auditan Khas Pengurusan Hutan Dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Siri 2. |
| Bilangan 27 Tahun 2023 | - | Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021. |

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi : Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 28 dan 29 Tahun 2023.

- | | | |
|------------------------|---|---|
| Bilangan 28 Tahun 2023 | - | Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021. |
| Bilangan 29 Tahun 2023 | - | Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021. |

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2023.

Bilangan 30 Tahun 2023 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor Bil. 1/2023.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Stulang, dijemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1.

Apakah status terkini rancangan Zon Ekonomi Khas Johor – Singapura?

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang atas soalan tentang status terkini Zon Ekonomi Khas Johor – Singapura atau lebih dikenali sebagai *SEZ*. Tapi sebelum itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Nazri Abdul Rahman apabila menang sebagai ADUN di kawasan Simpang Jeram. Saya ada hadiah sedikit untuk Yang Berhormat Simpang Jeram yang baharu, saya nak hadiahkan dua rangkap pantun, boleh?

Karam di laut jadi pelampung, panas di darat jadi penaung, basah di hilir jadi penudung, patah di hulu jadi penyambung. Duduknya tegak elok tabiat, dijadikan pemimpin besar manfaat, negeri sentosa sempurna umat, rahmat mendapat dunia dan akhirat. Semoga Yang Berhormat Simpang Jeram dapat mengalas amanah dan tanggungjawab ini dengan baik. insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berbalik kepada soalan Yang Berhormat Stulang tentang *SEZ*. Saya yakin bahawa Dewan yang mulia ini sedia maklum Yang Berhormat Speaker, bahawa pada 14 Julai tahun ini kerajaan Malaysia dan juga Singapura telah bersetuju untuk mewujudkan satu pasukan tugas khas bagi mengkaji penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor – Singapura. Dan sesungguhnya perkara ini bukan sesuatu yang difikirkan pada bulan Julai malah ia telah dibincangkan lebih awal lagi, seawal hujung tahun yang lepas.

Dan, insya-Allah pada bulan Oktober ini semasa *Leader's Retreat* di mana *Leader's Retreat* itu akan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura bersama pemimpin-pemimpin utama yang lain. Insya-Allah akan membincangkan *Terms Of Reference* yang perlu kita gariskan untuk kita majukan *Special Economic Zone* ini, insya-Allah. Dan sesungguhnya Yang Berhormat Speaker, saya berasa sangat teruja, sangat gembira dengan pengumuman ini kerana saya yakin bahawa inisiatif ini bakal menjadi katalis atau pemangkin untuk kita menggerakkan dan memajukan lagi ekonomi negeri Johor yang kita semua sayangi ini.

Dan, saya tengok melalui inisiatif ini Yang Berhormat Speaker, maka hubungan baik antara kerajaan Singapura, Malaysia dan Johor semakin erat. Ini, kita tambah lagi projek RTS. Kita berhubung dan bekerja erat dengan mereka supaya sempadan dan CIQ-CIQ kita bertambah lancar. Dan saya masih ingat lagi hubungan baik semasa COVID-19 berlaku yang pada masa ketika itu, Yang Berhormat Datuk Sri Hasni, pemimpin negeri ini, hubungan baik itu telah diterjemahkan melalui pintu sempadan di mana keluar masuk barangan tidak menjadi masalah untuk kedua-dua negara.

Jadi, saya yakin bahawa dengan SEZ ini, Yang Berhormat Stulang, hubungan dengan kerajaan Malaysia, Johor dan Singapura akan bertambah baik. Dan, SEZ ini ataupun *Special Economic Zone*, Yang Berhormat Stulang, bukan satu perkara yang baru, kita tengok dari segi model Shenzhen yang berjiran dengan Hong Kong dalam masa 4 dekad eh, dia Shenzhen, Yang Berhormat Speaker dibangunkan sebagai *Special Economic Zone* pada tahun 1990. Dan dalam masa hanya 4 dekad, Shenzhen telah berubah daripada satu bandar kecil dengan populasi 300,000 orang telah bertambah kepada 17 juta orang. Dalam masa 4 dekad sahaja KDNK Shenzhen mencecah 2.42 Trilion Yuan mengatasi Hong Kong buat kali pertamanya pada tahun 2018. Dalam masa 4 dekad sahaja, KDNK Shenzhen melepasi paras 3 trilion Yuan. Dalam masa hanya 4 dekad Yang Berhormat Speaker, Shenzhen telah berubah menjadi bandar ketiga terbesar di China.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang saya nak tekankan di sini, kalau kita membuat perancangan yang baik, yang rapi, yang tersusun dan strategik, saya yakin dalam masa beberapa tahun Johor akan menjadi sebuah negeri yang paling maju di Malaysia, Insya-Allah. Dan, objektif kita mengadakan *Special Economic Zone* ataupun SEZ ini, pertamanya adalah untuk memastikan bahawa pergerakan manusia dan barangan dapat dilaksanakan dengan baik dan mudah dan dengan izin, *ease of doing business and ease of movement*. Dan bila kita ada perkara-perkara ini, Insya-Allah ia akan meningkatkan nilai perdagangan Johor, meningkatkan peluang pekerjaan untuk Bangsa Johor dan Malaysia, rakyat Malaysia, meningkatkan pelaburan dan juga mempertingkatkan kecekapan pentadbiran negeri.

Cadangan SEZ ini adalah yang pertama seumpamanya di dunia. Dan antara sektor industri berteknologi tinggi yang mungkin boleh kita sarankan kepada kerajaan Singapura dan juga kerajaan Malaysia dengan bantuan Yang Berhormat Eu Chin Tong di MITI, insya-Allah kita boleh tekankan dari segi elektronik, dari segi farmaseutikal, *easy automotive*, pertanian dan juga tenaga boleh diperbaharui. Dan bagi memastikan agenda SEZ ini berjaya, banyak insentif perlu kita pertimbangkan. Antaranya kemasukan visa pelbagai, pas khas atau pun laluan khas, insentif percukaian khas, premium tanah yang mungkin lebih kompetitif dari segi akses, pengecualian lesen perniagaan, infrastruktur yang lebih baik, persediaan pekerjaan berkemahiran tinggi dan banyak lagi. Kita juga sedia maklum, tanpa insentif-insentif ini kos untuk melaksanakan perniagaan di Johor ialah 70% lebih rendah daripada Singapura dan 30% lebih rendah daripada Lembah Klang. Dan tidak cukup dengan itu Johor mempunyai kedudukan geografi yang cukup strategik, pelabuhan-pelabuhan yang bertaraf antarabangsa dan ketersediaan tanah untuk dibangunkan dan dimajukan. Jadi, kalau kita campurkan semua kelebihan yang ada di negeri Johor ditambah lagi dengan insentif-insentif ini saya yakin bahawa SEZ ini Yang Berhormat Speaker pasti akan berjaya, Insya-Allah. Tetapi ia memerlukan gembelangan tenaga semua pihak Yang Berhormat Stulang. Kita perlukan bantuan contohnya *ease of movement of people*. KDN perlu main peranan yang cukup penting dari segi *special passes*. Kita perlu bantuan insentif dari Kementerian Kewangan, daripada MITI, daripada Kementerian Sumber Manusia dan semestinya bantuan daripada kerajaan negeri. Saya yakin Yang Berhormat Speaker, Insya-Allah bila kita dah gembelangan insentif-insentif yang ada di Johor dengan bantuan pelbagai agensi daripada Persekutuan dan Negeri, Insya-Allah SEZ ini bakal berjaya dalam masa terdekat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Bila nak bawa rombongan ke China Yang Amat Berhormat?

YAB Menteri Besar : Insya-Allah Yang Berhormat Speaker, kita akan pertimbangkan bersama.

YB Speaker : Jangan lupa bawa Iskandar Puteri. Sila, Yang Berhormat.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar atas jawapan yang diberikan. Sama-samalah kita mengharapkan agar zon tersebut dapat

direalisasikan secepat mungkin dan zon ini saya rasa pasti memacu kepada kemasukan pelaburan yang tinggi dari Singapura dan ini membolehkan rakyat Malaysia boleh bekerja di Johor dengan dapatan gaji dan manfaat yang kompetitif. Selain boleh menikmati kehidupan yang lebih seimbang, kurang perjalanan rentas sempadan, serta lebih masa bersama dengan keluarga. Jadi, soalan tambahan saya adalah untuk mendapatkan ulasan lanjut daripada Datuk Menteri Besar. Apakah perbezaan antara Zon Ekonomi Khas (SEZ) Johor - Singapura dengan Zon Kewangan Khas (SFZ)? Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Speaker, ini adalah soalan yang cukup baik kerana berlakunya kekeliruan di luar sana. Waima Bangsa Johor rakyat Malaysia mahupun warga Singapura tak tahu perbezaan antara SEZ (*Special Economic Zone*) dengan *Special Financial Zone* (SFZ).

Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa SFZ (*Special Financial Zone*) ini akan dilaksanakan di Forest City. Jadi pertamanya lokasi untuk SFZ ialah di Forest City sedangkan SEZ belum lagi ditentukan, bakal ditentukan Insya-Allah pada bulan Oktober di mana *terms of reference* nya akan dibincangkan antara kerajaan Singapura dan juga kerajaan Malaysia. Keduanya perbedaannya ialah dari segi fokus atau pun tumpuan yang diberikan. Untuk *Special Financial Zone*, seperti namanya akan memberi fokus kepada perkhidmatan kewangan dan *services*. Sedangkan untuk SEZ, Yang Berhormat Speaker akan memberi tumpuan kepada industri pembuatan berteknologi tinggi. Ketiganya perbezaan ialah dari segi pelaksanaan. Dari segi pelaksanaannya Yang Berhormat Stulang, ia untuk SFZ tidak perlu mendapat persetujuan daripada kerajaan Singapura kerana *internal, internally approved* dengan izin oleh Kabinet, Insya-Allah. Dan, perkara ini saya difahamkan dengan lebih terperinci di dalam Kabinet. Tapi apa yang saya nak kongsi juga Yang Berhormat Speaker, kerana ini melibatkan kepentingan Johor. Kita macam mana kita nak jayakan agenda SEZ begitulah niat kita Yang Berhormat Speaker, kita nak pastikan bahawa SFZ pun juga berjaya.

Dan saya lontarkan beberapa model ataupun jenis *Special Financial Zone* yang wujud sekarang ini. Ada 4 saya difahamkan antaranya Zon Kewangan Antarabangsa, international. Antara negara-negara yang sudah melaksanakannya adalah seperti Singapura, UK dan juga Dubai. So, mereka ada *Special Financial Zone, International Financial Zone*. Kategori kedua *is Specialized Financial Centers* macam Luxemborg. Ketiganya *Off Shore Financial Center* macam Labuan dan keempat *Financial Centers* yang melaksanakan kerja-kerja *back end* macam *call center* dari segi IT dan sebagainya. Dan saya difahamkan bahawa 80% of the work yang *financial center is the back end*. Jadi, walaupun belum lagi kita persetujui cuma kita tak nak mengambil pendekatan untuk bersaing dengan mana-mana negara, kita seperti biasa bangga dengan tema Johor Mesti Jadi Johor dan kita anggap bahawa Singapura itu adalah sahabat baik, karib kita, jiran kita yang kita kena *compliment* dari segi usaha untuk membangunkan ekonomi kita. Jadi mungkin pemikiran awal saya kita sepatutnya memberi fokus kepada *financial center* kategori 4 itu. Mungkin itu akan memastikan bahawa apa yang kita hasratkan dapat berjaya.

Dan kemudiannya insentif yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuklah visa kemasukan berulang. Kadar cukai 15% dan juga laluan pantas Imigresen. Kita nampak bahawa ada persamaan dari segi cadangan insentif antara SEZ dan SFZ. Jadi, Yang Berhormat Speaker, inisiatif untuk SEZ dan SFZ ini juga kena bersifat *complimentary*. Untuk SEZ berjaya, SFZ pun juga perlu berjaya *and vice versa*, Insya-Allah. Jadi Yang Berhormat Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi, untuk perkara ini berjaya semua pihak sekali lagi daripada kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri perlu gembeng tenaga untuk memastikan bahawa agenda untuk menjayakan SEZ dan SFZ ini dapat berjaya Insya-Allah. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Tiram.

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tiram nombor 2.

Bagaimanakah agihan peruntukan baik pulih tandas yang diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan diagihkan kepada sekolah-sekolah? Apakah status perlaksanaannya di sekolah-sekolah dalam DUN Tiram?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik, selamat dan kondusif.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM70,000.00 bagi setiap sekolah di bawah KPM berstatus sekolah kerajaan, 878 buah sekolah untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan tandas. KPM telah menyalurkan peruntukan khas kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor sebanyak RM33.25 juta melibatkan 475 buah sekolah. Manakala Pejabat Pembangunan Negeri Johor (PPN Johor) sebanyak RM28.21 juta melibatkan 403 buah sekolah untuk dilaksanakan bersama dengan Pejabat Daerah yang terlibat. Khusus di DUN Tiram, 20 buah sekolah berjumlah RM1.4 juta dalam fasa pelaksanaan kerja-kerja oleh Pejabat Pembangunan Negeri Johor bersama dengan Pejabat Daerah. Kerja-kerja penyelenggaraan menaik taraf kemudahan tandas dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan November 2023. JPN Johor bersama dengan PPN Johor sentiasa akan memantau secara berkala pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan tandas di negeri Johor demi penyelesaian anak murid Bangsa Johor yang kita cintai. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Perling.

YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) : Terima kasih Datuk Speaker. Saya mengambil kesempatan ini untuk ucapkan tahniah kepada Ahli Dewan Simpang Jeram atas kemenangan beliau dan juga saya ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam PRK Pulau dan Simpang Jeram, (Dewan bertepuk), dan juga kepada semua rakan-rakan dari Barisan Nasional atas penglibatan semua. Soalan saya soalan ketiga.

Nyatakan inisiatif yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di Hospital Sultanah Aminah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih Datuk Speaker. Salam Bangsa Johor, Salam Maju Johor dan juga pada seisi Dewan sekalian. Terima kasih soalan daripada YB Perling.

Untuk makluman Yang Berhormat, Hospital Sultanah Aminah merupakan hospital besar yang mempunyai kapasiti katil yang melebihi 1,000 katil sejumlah 1,206 katil. Selain itu poliklinik HSA juga menerima lebih daripada 2,000 orang pesakit sehari. HSA merupakan antara hospital awam yang tersibuk di Malaysia dengan statistik 2,134 orang pesakit luar dan 460 orang pesakit di wad kecemasan sehari menyebabkan keadaan yang padat dan sesak. Hal ini menyebabkan permintaan tempat letak kenderaan amat tinggi dan selalunya tidak mencukupi. Pelawat dan pesakit terpaksa meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan utama di mana ia mengakibatkan keadaan lalulintas di HSA menjadi sesak.

Pada 28 Ogos 2023, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi sekali lagi melawat Hospital Sultanah Aminah. Antara isu yang sering dibangkitkan ialah isu pelawat dan pesakit sukar mendapat tempat letak kenderaan. Sebelumnya, pihak kerajaan negeri telah memperuntukkan peruntukan bagi pihak hospital untuk menaik taraf laluan keluar dan masuk bagi parkir HSA, bukan itu sahaja, kerajaan negeri juga membantu pihak hospital untuk menurap semula parkir-parkir yang sedia ada.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor juga telah berbincang dan mendapat persetujuan pihak pemaju untuk membuka ruang yang dan menyediakan tempat letak kenderaan di mana, lapang, di kawasan lapang berhadapan dengan HSA, kawasan lapang tersebut juga berhampiran dengan jejantas, yang membolehkan pelawat melintas jalan raya dengan selamat. Usaha ini akan membantu mengatasi kekurangan tempat letak kenderaan sementara di HSA sehingga cadangan penyelesaian lain dilaksanakan seperti cadangan pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat.

Selain itu, ucapan terima kasih daun keladi, di atas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim ke HSA pada 3 September telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi projek menaik taraf infrastruktur HSA JB termasuklah cadangan pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat di HSA. Saya bagi pihak kerajaan negeri dan juga Bangsa Johor mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau ada boleh beri lagi. Setiap penyakit ada ubatnya, setiap masalah ada jalannya, isu parkir sudah ada solusinya. Terima kasih Menteri Besar Johor dan PMX sentiasa bersama. Inisiatif yang lain, inisiatif yang lain, yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kenderaan di HSA ialah yang pertama, pihak kerajaan negeri telah melalui Pengangkutan Awam Jalan, PAJ menyediakan perkhidmatan bas ulang alik secara percuma untuk warga negara Malaysia dari Larkin Sentral ke Bangunan Induk HSA, JB mulai Oktober 2022. Pelawat dan pesakit boleh meletakkan kenderaan mereka di Larkin Sentral dan menaiki bas Muafakat ke HSA secara percuma.

Yang kedua, menyediakan *valuated service* bagi perkhidmatan farmasi di poliklinik seperti *block time sticker*, *MedXpress* dan *Locker For You* di Giant Tampoi, usaha ini akan mengurangkan keperluan pesakit melawat HSA, JB semata-mata untuk mendapatkan perubatan. Bukan begitu sahaja, pihak HSA juga telah melaksanakan sistem E-Temujanji di Poliklinik HSA agar pesakit tidak perlu hadir ke klinik bagi penempatan tarikh temujanji kali pertama. Seterusnya, pihak HSA juga menyediakan sistem *IQMS web-base* di mana pesakit boleh membuat semakan nombor giliran untuk perawatan atau mengambil ubat di farmasi, mengurangkan, menggunakan telefon bimbit ataupun peranti mudah alih. Seterusnya, pelaksanaan skim perkhidmatan MADANI yang baru-baru sahaja dilancarkan oleh kerajaan pusat bagi mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma, sekaligus mengurangkan kesesakan tempat letak kenderaan di HSA. Akhir sekali, warna Johor merah dan biru, terus terbang bagai helang, satu persatu pembangunan baharu, Johor Darul Ta'zim terus cemerlang. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Ya, sila Yang Berhormat.

YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) : Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dan juga usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Cadangan saya lah selain daripada usaha-usaha yang telah dimaklumkan, kalau boleh kerajaan negeri bersama dengan kerajaan pusat mengadakan satu kajian selidik untuk memahami keperluan, kesihatan, di sekitar Johor Bahru atau pun kawasan Iskandar, supaya kita boleh ada perancangan yang lebih, yang lebih jangka panjang. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Ok, terima kasih Yang Berhormat Perling dan terima kasih atas cadangan tersebut dan sejak kerajaan negeri yang baharu ini telah mengambil alih tampuk pimpinan bagi kerajaan negeri bukan sekali sahaja

kami berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia dan juga telah banyak kali kita adakan perbincangan untuk pembangunan sistem kesihatan dalam negeri Johor dan di antaranya juga cadangan kita untuk cadangkan supaya kerajaan pusat untuk meluluskan satu projek baharu bagi negeri Johor iaitu bagi satu hospital baharu bagi negeri Johor. Dan mudah-mudahan pada tahun ini kita berharap sangat supaya harapan tersebut menjadi satu realitilah. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput, Yang Berhormat Kempas.

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani (Kempas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 4.

Bilakah kerajaan negeri Johor melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) dapat mengambil tindakan segera beberapa masalah di PPR Permai seperti masalah penyelenggaraan jalan, kepadatan parkir dan masalah pencahayaan lampu jalan yang membelenggu kehidupan penduduk?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahtaala Wabarakatuh dan Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada ADUN Kempas dan ADUN Perling di atas kemenangan P161 Parlimen Pulaui oleh YB Suhaizan Kayat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman, dalam lawatan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah diadakan di PPR Kempas dan PPR Melana Indah 1 pada 3 September 2023, lawatan tersebut adalah inisiatif menyantuni dan beramah mesra dengan penyewa PPR. PPR Kempas Permai adalah merupakan Skim Perumahan Sewa diuruskan oleh kerajaan Johor melalui PKPJ bermula pada tahun 2008 dengan penyediaan 2,252 unit kediaman melibatkan 10,000 orang penduduk. Walaupun PPR Kempas Permai ini hanya mempunyai parkir atau *parking* berjumlah 850 daripada 2,252 unit petak kenderaan kereta, lanjutan jumlah densiti penduduk yang tinggi dan jumlah petak kenderaan yang terhad di PPR Kempas Permai mengakibatkan isu kesesakan, kekurangan ruang letak kenderaan yang tidak dapat ditampung bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan PPR tersebut.

Selain daripada itu, kawasan awam PPR Kempas Permai yang padat juga sering kali berdepan dengan isu gangguan lampu jalan yang rosak, yang perlu dibaiki agar tidak gelap dan rasa tidak selamat di kalangan penduduk. Oleh itu, kerajaan negeri telah memohon pertimbangan daripada Yang Amat Berhormat Datuk Seri untuk meluluskan peruntukan berjumlah RM2.5 juta bagi cadangan menaik taraf kawasan tempat letak kenderaan di kawasan PPR Kempas Permai dan cadangan bagi kerja-kerja pembaikan dan penggantian lampu jalan dan lampu kawasan awam di PPR Kempas Permai. Walau bagaimanapun, di peringkat PKPJ telah mengambil tindakan awal dan segera untuk membaiki secara sementara dengan pemasangan panel solar bagi mengurangkan risiko kegelapan. Terima kasih.

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani (Kempas) : Kempas juga mengucapkan terima kasih di atas usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan yang telah banyak membantu menyediakan kemudahan asas di PPR Kempas eh. Cuma, Yang Berhormat Datuk Speaker, di PPR Kempas ni ada sebuah pusat IKS, yang telah pun siap dibina dengan kos RM200,000.00 oleh pihak IRDA. Cuma, permasalahannya ialah walaupun telah lama siap dibina tetapi pusat IKS ini masih tidak dapat diguna pakai lagi kerana ketiadaan bekalan air dan tenaga elektrik. Soalan saya, bagaimana pihak PKPJ dapat membantu dari segi bekalan air dan tenaga elektrik ini agar pusat IKS tersebut dapat digunakan dalam membantu meningkatkan keboleh pasaran produk IKS keluaran penduduk PPR Kempas dan membantu mengurangkan masalah sosioekonomi masyarakat setempat. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada ADUN Kempas. Untuk makluman Yang Berhormat, pembekalan meter elektrik termasuk dalam skop kerja pembinaan IKS tersebut. Namun begitu, pada awal 2023, pihak TNB telah mengeluarkan garis panduan baharu bagi pemasangan meter elektrik bagi kategori bangunan jenis kabin ianya mestilah jenis *stand alone*. Perbincangan telah diadakan di peringkat PDJB, IRDA dan juga TNB bagi penyelesaian masalah tersebut, pemasangan meter *stand alone* TNB dalam proses dan dijangka siap sepenuhnya insya-Allah pada bulan Oktober 2023. Terima kasih banyak.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan mengalu-alukan kehadiran pemerhati, pertama pemerhati daripada DUN Gambir, yang kedua pemerhati dari DUN Simpang Jeram, ketiga pemerhati daripada DUN Sedili, keempat pelajar daripada Universiti Malaysia Sarawak dan terakhir pemerhati daripada DUN Seri Medan. Dijemput Yang Berhormat Tanjung Surat.

YB Tuan Aznan bin Tamin (Tanjung Surat) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Apakah strategi kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak kedai dan pasar raya menggunakan konsep Jualan Rahmah memandangkan inisiatif ini mendapat permintaan yang sangat menggalakkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor menyambut baik cadangan dan usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta cetusan idea Yang Berhormat Datuk Sri Salahuddin Ayub, mantan menteri dan juga mantan Ahli Dewan Negeri Johor ini yang telah pun memulakan inisiatif rahmah untuk membantu rakyat. Beliau akan terus diingati sebagai pejuang rakyat terutamanya dalam isu kos sara hidup. Program yang diadakan di bawah payung rahmah ini meliputi 4 inisiatif dan telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Januari 2023, yang meliputi program Jualan Rahmah, Bakul Rahmah, Pakej Rahmah dan juga Menu Rahmah.

Dalam hal ini KPNDN mengambil maklum dan cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan lebih banyak kedai dan pasar raya yang menggunakan konsep jualan rahmah. Berdasarkan data KPNDN Johor sejumlah 110 premis pasar raya besar, kedai runcit di negeri Johor telah pun menyatakan minat dan menyertai inisiatif jualan rahmah setakat bulan Ogos 2023. Dan KPNDN Johor juga telah mengadakan libat urus bersama pasar raya-pasar raya serta kedai-kedai ini untuk pelaksanaan jualan rahmah secara berkala di semua 56 kawasan DUN dan 26 kawasan Parlimen di negeri Johor. Sebanyak 241 kali jualan rahmah secara *in door* dan *out door* telah pun dilaksanakan dengan jayanya dengan penawaran barangan keperluan harian pada diskaun harga antara 10 hingga 30%. Manakala sejumlah 114 jualan rahmah secara bergerak atau pun *mobile* telah pun dilaksanakan mulai bulan Julai 2023 di lokasi-lokasi terpilih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menggalakkan lebih banyak kedai, pasar raya, pasar raya besar ataupun kedai runcit untuk menyertai program jualan rahmah ini, setiap program jualan rahmah dalam premis, luar premis atau pun secara bergerak akan disubsidikan oleh KPNDN. Kos subsidi kepada program jualan rahmah ini adalah antara RM7,000.00 hingga RM35,000.00. Dalam hal ini, kos perbelanjaan program jualan rahmah dalam premis pada bulan Januari hingga Julai 2023 di negeri Johor adalah RM1,659,000.00. Program jualan rahmah luar premis adalah RM140,000.00. Program jualan rahmah bergerak adalah sebanyak RM153,000.00. Manakala jumlah kos perbelanjaan atau pun subsidi yang diberikan oleh kerajaan persekutuan untuk negeri Johor sehingga bulan Julai 2023 adalah

RM1,952,000.00. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung Surat, program jualan rahmah di peringkat DUN Tanjung Surat telah pun dilaksanakan sebanyak enam kali iaitu satu kali pada bulan Mac, satu kali pada bulan April, satu kali pada bulan Mei dan tiga kali pada bulan Jun. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput, Yang Berhormat Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Selamat pagi dan salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tangkak nombor 6.

Sila nyatakan pencapaian Mega Gerak Kerja *MYFutureJobs 2023* yang diadakan pada bulan Julai yang lalu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tangkak, yang mengemukakan soalan pencapaian Mega Gerak Kerja *MYFutureJobs 2023* yang diadakan pada bulan Julai yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat Tangkak dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara usaha kerajaan negeri Johor menerusi Unit Strategik Modal Insan (SMI) dalam memastikan kadar pengangguran dalam negeri Johor menurun, di samping meningkatkan lagi pendapatan rakyat Johor dengan menganjurkan beberapa siri Program Gerak Kerjaya Johor sehingga Julai 2023. Program kerjasama dengan PERKESO iaitu merupakan platform setempat untuk orang ramai mendapat informasi dan membantu dalam pencarian pekerjaan dalam pelbagai sektor sekali gus membantu majikan mendapat tenaga kerja dengan lebih mudah. Hal ini juga dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam negeri Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mega Gerak Kerjaya MyFuture Job 2023 telah berlangsung pada 15 dan 16 Julai 2023 yang lalu. Sebanyak 2,034 peluang pekerjaan dibuka dengan tawaran gaji sehingga RM14,000.00. Melalui rekod awal pada 16 Julai 2023, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 5,727 manakala 3,764 pemohon telah pun ditemu duga. Jumlah ini sangat memberangsangkan dan melebihi jangkauan. Pihak Strategik Modal Insan berterima kasih kepada rakan strategik iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) atas kerjasama yang baik dalam menjayakan program ini. Daripada jumlah jawatan kosong yang ditawarkan, seramai 220 orang pencari kerja telah pun diterima bekerja dengan majikan yang terdiri daripada pelbagai sektor iaitu seperti minyak dan gas, perkhidmatan, pendidikan, pembuatan, pembinaan, perhotelan, perladangan dan pertanian serta lain-lain. Manakala sejumlah 1,889 pencari kerja menerima tawaran panggilan temu duga bagi kali kedua. Program yang berlangsung selama 2 hari, telah dikunjungi oleh 5,126 pengunjung dan orang awam daripada sekitar negeri Johor dan negeri-negeri lain juga. Penyertaan daripada 33 majikan yang merupakan industri utama memberi peluang pekerjaan-pekerjaan kepada para pencari kerja khususnya telah memberikan kerjasama yang baik seterusnya menjayakan program kerjaya ini.

Antara majikan-majikan yang telah mengambil bahagian adalah Malaysia Airline, Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn. Bhd. (MMHE), Johor Plantation Berhad, KPJ Johor Specialist, Hospital, Pos Malaysia dan banyak lagi syarikat-syarikat pelbagai sektor serta industri di Malaysia ini. Selain daripada temu duga terbuka, pelbagai pengisian-pengisian interaktif diadakan bersempena dengan program kerjaya ini di antaranya ialah pameran-pameran agensi kerajaan, jualan-jualan serta jualan-jualan dari segi pelbagai sektor yang telah mendapat sambutan dari pelbagai pihak dan orang awam. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya, sila.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dan tahniah kepada YB EXCO dan juga apa tu, Strategik Modal Insan (SMI) atas kejayaan dan peluang yang diberi kepada pencari-pencari kerja terutama di negeri Johor. Soalan tambahan dari Tangkak adalah apakah strategik ataupun apakah rancangan terutama bagi penganjur untuk menambahkan lagi penglibatan majikan sebab mengikut jawapan daripada YB EXCO tadi, seramai 33 majikan telah menyertai dalam *MyFuture Job* ini kerana mengikut apa tu, mengikut statistik di portal tawaran kerja di *MyFuture Job* untuk negeri Johor terdapat 3,756 tawaran kerja tetapi bagi portal-portal yang diusahakan oleh swasta saya bagi contoh seperti *Indeed Johor* terdapat 8,900 lebih peluang pekerjaan dan juga *Job Street* Negeri Johor terdapat 6,095 peluang pekerjaan. Jadi, apakah cara ataupun strategik untuk menambahkan lagi peluang pekerjaan dan penglibatan majikan dalam *MyFuture Job*. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, dapatan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor, permintaan buruh meningkat pada suku tahun pertama 2023 dalam industri pembuatan iaitu sebanyak 55.9%; pertanian, 16.5%; perkhidmatan, 15.3%. Ini menunjukkan satu draf yang baik untuk negeri Johor, yang mana peluang-peluang pekerjaan telah pun dibuka selepas kita semua mengalami pandemik COVID dan pasca COVID. So, Alhamdulillah, dengan pencapaian, dengan pelaburan-pelaburan yang masuk, insya-Allah, satu strategik dengan kerjasama YB-YB Lee, YB Lizah, yang mana Yang Amat Berhormat untuk mengarahkan kami bertiga untuk menggerakkan bersepadu dan Insya-Allah strategik-strategik untuk menggerakkan majikan-majikan yang lebih besar dalam *MyFuture Job* akan kami turun di setiap kawasan-kawasan yang lebih-lebih lagi dalam kawasan ataupun yang memerlukan pekerjaan. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Skudai.

YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum. Datuk Speaker. Soalan saya nombor 7.

Kes penderaan kanak-kanak sama ada ibu bapa atau di TASKA semakin membimbangkan. Apakah usaha pembaikan dan pencegahan yang telah dilaksana atau dirancang?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Skudai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan yang ditanyakan ialah kes penderaan kanak-kanak sama ada ibu bapa atau di TASKA semakin membimbangkan. Apakah usaha pembaikan dan pencegahan yang telah dilaksana atau dirancang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor sentiasa mengambil berat mengenai isu penderaan yang berlaku sama ada oleh ibu bapa atau penjaga di TASKA. Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil inisiatif membangunkan satu modul bernama Modul Lindungi Permata Johor. Modul ini dirangka dan dibangunkan bagi memberi latihan kepada individu atau sukarelawan yang bekerja dengan kanak-kanak agar dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan komitmen mereka dalam membantu, memberi dan menguruskan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan yang bertujuan untuk melindungi hak kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk eksploitasi, diskriminasi, penderaan dan kecuiaan bagi memastikan

perkembangan yang sihat bagi kanak-kanak dari segi fizikal, sosial, emosi dan mental selaras dengan Dasar Kanak-Kanak Negara.

Pada tahun 2023, Program Latihan *Child Support Team* menggunakan Modul Lindungi Permata telah dilaksanakan melibatkan 8 siri, melibatkan 300 peserta yang terdiri daripada ketua komuniti seperti Penghulu, ketua kampung, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, pengusaha-pengusaha TASKA, pengendali pusat jagaan, kaunselor-kaunselor hospital, kaunselor-kaunselor sekolah, agensi kerajaan, sukarelawan kebajikan yang bekerja dengan kanak-kanak serta pasukan perlindungan kanak-kanak, penasihat Mahkamah dan pembantu pelindung yang telah diwartakan di setiap daerah di negeri Johor. Program itu adalah di daerah Batu Pahat, Kluang dan Pontian; Batu Pahat dan Segamat; Kulai dan Mersing; Tangkak dan Muar; Johor Bahru dan Pontian; Tangkak dan Kluang; Batu Pahat dan Muar; Johor Bahru dan Kota Tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penubuhan TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak adalah tertakluk kepada peruntukan dan pematuhan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993. Bagi memastikan setiap kanak-kanak di TASKA dijaga dengan baik dan tidak berlaku penderaan dan pengabaian kepada kanak-kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah bertanggungjawab mengambil langkah seperti berikut :

Pertama, membuat pemeriksaan berkala terhadap premis TASKA. Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Pejabat Kebajikan Negeri Johor, Daerah di seluruh negeri Johor sentiasa melakukan pemantauan dan lawatan ke semua TASKA yang didapati beroperasi di seluruh negeri Johor. Melalui *taskforce* pendaftaran yang dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa TASKA setiap masa, JKM telah mengunci data setakat 5 Julai 2023 yang lalu di mana 89 buah TASKA tidak berdaftar di negeri Johor yang didapati beroperasi tanpa perakuan pendaftaran. Namun, setelah *taskforce* pendaftaran giat dijalankan, tiada lagi TASKA yang beroperasi tanpa perakuan pendaftaran setakat 30 Ogos 2023.

Bagi memastikan pengasuh di TASKA mematuhi nisbah penjagaan seperti yang ditetapkan dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 serta mana-mana Akta dan peraturan lain yang ditetapkan oleh agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pejabat Kesihatan Daerah. Untuk makluman jua, kolaborasi strategik 3 agensi teknikal itu melancarkan pengurusan proses pendaftaran dan pemantauan dilaksanakan terhadap Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang berdaftar. Antara tujuan penaziran dan penarafan bintang Pusat Jagaan Kanak-Kanak itu adalah :

Pertama, memastikan semua pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar patuh kepada standard minimum yang ditetapkan dalam Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Juga memastikan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar memberikan penjagaan dan perkhidmatan yang berkualiti kepada golongan sasaran.

Seterusnya menjalankan kempen kesedaran kepada orang awam untuk memastikan anak-anak mereka atau waris dihantar ke TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seterusnya adalah Kursus Asuhan dan Didikan Awal PERMATA kanak-kanak untuk memastikan setiap pengasuh di TASKA mendapat latihan dalam mengendalikan kanak-kanak. Kerajaan negeri juga melalui JKM menyediakan inisiatif subsidi bagi pengasuh mahupun pengasuh TASKA sebanyak RM900.00 setiap seorang untuk mendapatkan latihan di bawah kursus ini kepada 200 orang setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menggalakkan orang awam atau komuniti bersama-sama memastikan isu penderaan tidak berlaku dengan melaporkan setiap isu penderaan yang berlaku di mana-mana Pejabat

Kebajikan Masyarakat yang berdekatan. Talian *Hotline* iaitu Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari juga disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memudahkan orang awam melaporkan kejadian penderaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekiranya berlaku penderaan adalah menjadi kewajipan ibu bapa atau ahli keluarga untuk melaporkan perkara tersebut kepada pelindung di Pejabat Kebajikan Masyarakat seperti di bawah Seksyen 28(1) Akta Kanak-Kanak 2001. Bermakna mana-mana ahli keluarga yang tidak mematuhi keluarga ini telah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-dua sekali.

Bagi kes-kes penderaan yang berlaku di TASKA, adalah menjadi tanggungjawab pengasuh untuk melaporkan kes-kes penderaan seperti peruntukan di bawah Seksyen 29 Akta Kanak-Kanak 2001, di mana, mana-mana pengasuh yang tidak mematuhi perkara ini telah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Namun sekiranya penderaan disyaki dilakukan oleh pengasuh adalah menjadi tanggungjawab pengusaha untuk melaporkan dan memastikan pengasuh tersebut tidak lagi berada di TASKA tersebut. Peruntukan 293 Akta Kanak-Kanak 2001 pula menyatakan mana-mana orang selain yang disebut di bawah Seksyen 27, 28, 29 yang mempercayai seorang kanak-kanak telah dcederakan dari segi fizikal dan emosi, akibat teraniaya, terabai atau terbuang hendaklah memberikan maklumat ini kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, sila.

YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai) : Datuk Speaker ada soalan tambahan. Pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah atas usaha mengadakan *Child Support Team* yang mana saya sendiri hadir ke melihat untuknya modul yang dilaksanakan dan modul tersebut sebenarnya sangat bagus dan harus diperluaskan lagi. Dan soalan tambahan saya, apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan badan bukan kerajaan yakni NGO untuk sama-sama memainkan peranan dalam usaha kita menangani isu penderaan kanak-kanak ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Skudai. Bagi menjawab soalan tersebut, kerajaan negeri Johor sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menggalakkan badan bukan kerajaan atau NGO, sukarelawan bersama-sama memainkan peranan penting dalam menangani isu penderaan.

Merafak sembah menjunjung kasih atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor dan Yang Amat Mulia Che' Puan Besar Khaleeda terhadap isu penderaan kanak-kanak khususnya di negeri Johor. Antara usaha-usaha yang dijalankan adalah dengan melaksanakan program advokasi kepada masyarakat dengan melaksanakan Kempen Hentikan Penderaan Terhadap Kanak-kanak. Itulah yang telah dilancarkan sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Negeri Johor. Melalui program ini yang telah ditubuhkan dengan menggunakan latihan dan modul Lindungi Permata Johor, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama pakar berkaitan kanak-kanak dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengandungi 8 komponen.

Yang Berhormat Datuk Speaker, komponen tersebut adalah motivasi, perkembangan kanak-kanak dan remaja, perundangan dan advokasi berkaitan kanak-kanak, kanak-kanak dan multi budayanya, kemahiran mengakses kanak-kanak, kemahiran membantu kanak-kanak. Bagi tahun 2023, program ini melibatkan kepada 300 ahli masyarakat termasuk NGO,

sukarelawan atau individu yang terlibat dengan pengurusan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan kanak-kanak akibat di dera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, NGO juga digalakkan untuk menganjurkan kempen-kempen kesedaran dan advokasi kepada pihak-pihak yang berkepentingan di peringkat komuniti. Pihak Jabatan juga sentiasa menyediakan *platform* kerjasama dengan penganjuran dalam sesi dialog dengan pihak NGO. Bagi NGO yang mempunyai kepakaran tertentu boleh membantu dengan menyediakan fasiliti-fasiliti seperti pusat jagaan kepada kanak-kanak, memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dan perkhidmatan sokongan kepada mangsa dera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di antara badan bukan kerajaan yang sentiasa membantu JKM antara lain adalah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Damo di Kluang, Pusat Jagaan Kanak-Kanak Terencat Akal Saleng, Kulai, Pusat Jagaan Anak Yatim Amitabha Johor Bahru, Pusat Jagaan Persatuan Kebajikan Sang Suria Johor dan banyak lagi yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor.

Selain dari itu Yang Berhormat Datuk Speaker, kerjasama antara jabatan-jabatan di bawah portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan penglibatan Penggerak-Penggerak Wanita Darul Ta'zim di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dalam usaha menyalurkan bantuan dan keprihatinan kepada isu-isu penderaan kanak-kanak. Kerajaan negeri Johor juga melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga terdapat pelbagai inisiatif untuk mengasah kemahiran keibubapaan menerusi modul-modul yang menekankan ilmu dan kemahiran kekeluargaan dan *parenting skills*. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat, lain kali suruh pegawai sediakan jawapan ringkas sahaja. Saya jemput, Yang Berhormat Tiram.

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tiram nombor 8.

Sejauh manakah keberkesanan teknologi yang digunakan oleh agensi dalam membaiki pulih jalan-jalan yang rosak sebagaimana yang diumumkan oleh YB EXCO semasa Sidang Dewan yang lepas?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tiram.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor mengalu-alukan pelbagai teknologi baharu yang dapat membantu dalam mempercepatkan dan menjimatkan kerja-kerja di negeri Johor. Teknologi baharu mestilah mempunyai sifat menjimatkan kos sama ada dalam masa segera ataupun jangka masa panjang, ia juga perlulah mempercepatkan proses kerja dan memberi ketahanan yang lebih lama dan yang terbaru teknologi ini mestilah mesra kepada teknologi hijau.

Untuk makluman Yang Berhormat Tiram dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita fokus kepada dua perkara iaitu yang pertama ialah *pothole* yang berada di jalan-jalan negeri mahupun di jalan-jalan persekutuan. Kaedah yang sedia ada telah di adaptasi dengan penggunaan bahan *asphalt* terubahsuai atau *speacial team mix* sebagai alternatif bagi menambah hayat turapan jalan raya seperti penggunaan getah, gentian *fibre*, *polymer*, plastik dan lain-lain. Untuk jalan-jalan seperti di Pasir Gudang, kita juga telah menggunakan satu lagi teknologi baharu iaitu *Hot In-Place Recycling*, HIPR yang merupakan pembaikan jenis pencegahan bagi mengelakkan kerosakan permukaan jalan menjadi lebih teruk dan berulang. Kita telah

menggunakan kaedah di jalan Lebuhraya Pasir Gudang dari Seksyen 8 ke 24 dengan kos sebanyak RM300,000.00. Sebagai perbandingan Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau guna kaedah tampalan biasa ketahanannya boleh jadi antara 4 ke 5 bulan tetapi dengan menggunakan tampalan HIPR ketahanannya boleh menjangkau sehingga setahun enam bulan.

Dan untuk rekod kerja-kerja yang telah dilakukan di Pasir Gudang alhamdulillah, nampaknya telah pun memberikan kesan yang positif. Untuk teknologi baharu yang kita bawa juga ke negeri Johor iaitu kaedah CIPR, *Cold In-Place Recycling* ini bagi menggantikan kerja-kerja yang selama ini kita menggunakan kaedah *mile and pave overlay* ataupun *re-construction*.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, banyak juga jalan-jalan yang telah kita gunakan teknologi baharu ini, antaranya di Kota Tinggi Jalan Inas, di Kluang Jalan Batu Pahat – Ayer Hitam Jemaluang, di Batu Pahat, Jalan Batu Pahat – Ayer Hitam Jemaluang, Muar, Muar – Yong Peng dan juga di Johor Bahru iaitu di Lebuhraya Pasir Gudang. Selain CIPR kita juga menambah nilai kepada kaedah yang digunakan iaitu penggunaan *Super Fiber Mix* (SFM) di jalan-jalan negeri ia akan meningkatkan *modulus* keanjalan dan juga meningkatkan hayat turapan. Sebagai contoh, kita ada menggunakan kaedah ini di Johor Bahru iaitu di Jalan Sungai Tiram (J008), di Pontian, Jalan Pontian Lama Ulu Pulai, di Kulai, Jalan Ulu Tebrau Sungai Tiram dan juga Jalan Gunung Pulai, Jalan Ulu Tebrau Sungai Tiram dan juga di Kota Tinggi iaitu Jalan Kampung Lukut Cina, Kampung Batu 4, Jalan Kampung Lukut Cina ke Kampung Batu 4 dan Jalan Tanjung Balau ke Sedili Kecil dengan kos keseluruhan lebih kurang RM7 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Tiram dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita melakukan kerja ini pada tahun 2021 dan sehingga sekarang alhamdulillah selepas 2 tahun, jalan-jalan ini masih dalam keadaan baik dan tiada berlaku keretakan, tiada mendapan dan sebagainya. Sebagai perbandingan, kalau menggunakan kaedah yang sedia ada iaitu *overlay* dan *resurface, mile and pave* lebih kurang kita boleh tahankan kita punya ketahanan jalan itu dalam 3 ke 5 tahun dengan kos RM300,000.00 ke RM600,000.00 tetapi dengan menggunakan kaedah baru iaitu CIPR dan juga *re-construction* mahal sikit tetapi alhamdulillah kita boleh tahan selama lima sehingga tujuh tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Dewan, sekali lagi saya hendak umumkan bahawa kerajaan negeri sentiasa menerima cadangan dan juga idea teknologi-teknologi baharu, yang penting dapat mengatasi masalah-masalah yang sentiasa membelenggu rakyat di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, sila.

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas penerangan tentang penggunaan teknologi yang telah digunakan dalam menambah baik kaedah pembaikan jalan-jalan dalam negeri Johor ini. Satu pendekatan yang baik yang kalau kita seperti dimaklumkan tadi, kita boleh lihat keberkesannya khususnya di Lebuhraya Pasir Gudang. Cuma harapan saya dan juga mungkin rakyat semua kita mengharapkan agar bila kita telah menggunakan teknologi yang terbaik mungkin pada masa akan datang akan ada lagi teknologi-teknologi yang terkini yang boleh kita guna pakai di negara kita ini, saya masih lagi mengharapkan agar pemantauan berterusan secara berkala daripada pihak agensi supaya tidak lagi timbul suara-suara ataupun video *TikTok* yang menyatakan masuk lubang di Pasir Gudang timbul di Simpang Renggam dan sebagainya. Kita tak nak perkara-perkara tersebut berulang lagi. Jadi, saya memang mengharapkan agar pemantauan berterusan khususnya semasa kerja-kerja dilakukan di lapangan kalau dapat panggil lah kepimpinan tempatan untuk sama-sama mewakili pihak agensi untuk memantau kerja-kerja yang dibuat oleh konsesi yang terlibat. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tiram. Saya menghargai cadangan daripada Yang Berhormat Tiram supaya kerja-kerja pemantauan dapat dilakukan. Kita faham bahawa banyak teknologi baharu, banyak kerja-kerja yang kita dapat setahun ini atas usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan hubungan baik antara kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat dan saya juga mengambil maklum bahawa sistem pemantauan kita perlu dipertingkatkan, dan insya-Allah saya dan pihak JKR dan juga pihak konsesi dalam usaha untuk melihat kembali bagaimana kita dapat bantu mempertingkatkan sistem pemantauan kita seterusnya sistem aduan kita, supaya segala aduan dapat disalurkan terus kepada pemimpin-pemimpin masyarakat supaya apa sahaja gerak kerja yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri dapat terus maklumatnya kepada pihak kepimpinan masyarakat setempat. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput, Yang Berhormat Jementah.

YB Puan Ng Kor Sim (Jementah) : Selamat pagi Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 9.

Apakah status bagi permohonan untuk mewartakan Landasan Kereta api Segamat sebagai bangunan warisan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jementah atas soalnya untuk mengetahui status bagi permohonan mewartakan Landasan Kereta api Segamat sebagai bangunan warisan. Yang Berhormat Datuk Speaker, di antara instrumen perundangan yang boleh memberi perlindungan terhadap harta warisan adalah Akta Warisan Kebangsaan 2005 Akta 645, Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988 (Enakmen No.7), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 Akta 172, dan Kanun Tanah Negara dan lain-lain. Sehingga kini sebanyak 16 tapak bangunan dan monumen telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976 perintah monumen lama dan tapak tanah bersejarah nombor 2, 1981 dan seterusnya diserahkan ke Akta Warisan Kebangsaan 2005 Akta 645. Manakala 3 tapak telah diisytihar sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645 dan sebanyak 21 tapak bangunan monumen pula telah diwartakan di bawah Sub Seksyen 3 (1) Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988, Enakmen 7 Tahun 1988.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Jabatan Warisan Negara telah menerima cadangan untuk mewartakan Jambatan Kereta api Lama Segamat sebagai sebuah objek warisan di bawah Akta Warisan Negara 2005, walau bagaimanapun pihak Jabatan Warisan Negara telah mengusulkan agar Jambatan Kereta api Lama Segamat diwartakan terlebih dahulu di bawah Enakmen Negeri iaitu Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988. Pihak Yayasan Warisan Johor telah meneliti dan mengumpul beberapa data berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk menyokong proses pewartaan bagi dua buah pencalonan pewartaan Jambatan Kereta api Lama Segamat dan Bangunan Mustika Embun Johor Bahru. Di antara kriteria yang diperlukan berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 Akta 645 dan juga Enakmen Yayasan Warisan Negeri Johor 1988 adalah kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan sejarah Malaysia atau Johor, ciri-ciri reka bentuk atau estetik, pembaharuan dan pencapaian saintifik atau teknikal, hubungan sosial atau kebudayaan, potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan, kepentingan dalam mempamerkan kekayaan kepelbagaian atau integrasi bentuk luar biasa, jarang tidaknya atau keunikan warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan bawah air dan barang bentuk sesuatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis sesuatu tapak atau objek. Apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan dan penting. Manakala data-data yang diperlukan bagi menyokong pencalonan

pewartaan tersebut adalah maklumat pemilikan, keadaan fizikal bangunan, jenis seni bina bangunan, latar belakang sejarah bangunan, nilai warisan yang terdapat pada bangunan, rekod dokumentasi.

Pada 7 September 2022 Kertas Cadangan Pewartaan Bangunan Mustika Embun dan Jambatan Kereta api Lama Segamat di bawah Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988 dibentangkan kepada saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor dan telah mendapat persetujuan. Dan pada 14 September 2022 Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah menimbang dan meluluskan kedua-dua tapak Bangunan Mustika Embun dan Jambatan Kereta api Lama Segamat untuk ditetapkan sebagai monumen lama dan tanah bersejarah di bawah Seksyen 3 Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988.

17 Oktober 2022 Yayasan Warisan Johor menghantar deraf perintah pewartaan monumen lama dan tapak tanah bersejarah negeri Johor untuk semakan oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan pada 17 November 2022, siap warta bagi pengisytiharan Bangunan Mustika Embun dan Jambatan Kereta api Lama Segamat sebagai monumen lama dan tapak tanah bersejarah negeri Johor telah dikeluarkan oleh Percetakan Nasional Berhad. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya sila.

YB Puan Ng Kor Sim (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan EXCO, soalan tambahan, apakah faedah kepada penduduk Segamat jikalau Landasan Kereta api Segamat diwartakan sebagai bangunan warisan dan sama juga apakah implikasi atau pun apakah kaedah yang akan dijalankan untuk memelihara bangunan tersebut? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Yang Berhormat Datuk Speaker, Pewartaan Jambatan Keretapi Segamat adalah bermaksud jambatan tersebut akan dilindungi dari sudut perundangan. Tiada siapa pun boleh membuat sesuatu yang boleh menjejaskan keaslian struktur sedia ada. Pengekalan struktur jambatan tersebut boleh dijadikan bahan sejarah bagi tujuan akademik dari peringkat rendah sehinggalah peringkat tertinggi pengajian. Struktur ini jika terus dipelihara dengan baik juga boleh dijadikan sebagai tarikan pelancong. Secara tidak langsung ia berpotensi meningkatkan pendapatan peniaga di bandar Segamat dengan kehadiran pelancong dan pengunjung. Melalui RTD dan yang kini RKK Pembaharuan Bandar Segamat, jambatan kereta api ini menjadikan satu tarikan penting dalam jejak warisan Segamat. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran pemerhati seramai 40 orang daripada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Cawangan Daerah Batu Pahat. Makan tengah hari saya belanja Yang Berhormat Machap, saya belanja makan tengah hari. Tak minta kerajaan pusat, kematian ke, kahwin ke, semua Wakil Rakyat Johor ni keluar duit kocek sendiri, tak minta kerajaan pusat.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, boleh saya tanya soalan tambahan?

YB Speaker : Ya?

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Boleh saya tanya soalan tambahan pada EXCO?

YB Speaker : Sila, sila.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Jangan lupa Batu Pahat, saya puasa Batu Pahat, boleh belanja makan sekali. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya tertarik dengan jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tentang cadangan pewartaan untuk yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Jementah. Saya lihat di sini apa yang menjadi pengalaman saya sebelum ini, kerajaan negeri menggunakan dua Akta yang ada iaitu di bawah Akta Warisan Kebangsaan dan juga kita pernah menggunakan Enakmen di bawah Yayasan Warisan Johor. Adakah pihak kerajaan negeri ada cadangan untuk menggunakan Enakmen kerana apa yang kita lihat pada hari ini, penggunaan Akta dan juga Enakmen ini berbeza kerana Akta di bawah kerajaan persekutuan dan Enakmen itu di bawah kuasa kerajaan negeri Johor. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Sri Medan. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti maklum yang kita ada dua Akta iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang itu ialah Akta yang digunakan oleh kerajaan persekutuan di peringkat kebangsaan dan juga Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988 yang biasanya digunakan di peringkat negeri Johor. Kadang-kadang apa-apa proses permohonan pewartaan kita mulakan dari proses Enakmen kerana ia lebih mudah di peringkat negeri kita nak pelihara bangunan tersebut sebelum kita buat permohonan ke peringkat persekutuan. Kadang-kadang proses di peringkat persekutuan mengambil masa yang lama. Untuk itu, kita gunakan Enakmen dulu untuk selesaikan dengan cepatnya kita nak memelihara kawasan tersebut fasal itu kita gunakan Enakmen dulu sebelum buat apa-apa permohonan kepada kerajaan pusat. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Selamat pagi dan salam sejahtera, Yang Berhormat Datuk Speaker, Soalan No. 10.

Berapa banyakkah sekolah-sekolah agama swasta yang tidak berdaftar di negeri Johor dan apakah kerajaan berhasrat untuk menjalankan proses pemutihan serta membantu sekolah-sekolah agama ini di dalam menyempurnakan proses pendaftaran agar aspek keselamatan murid dan kakitangan sesebuah sekolah lebih terjamin?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Penggaram, (Bacaan Doa). Yang Berhormat Penggaram mengemukakan dua soalan. Yang pertama, berapa banyakkah sekolah-sekolah agama swasta yang tidak berdaftar dan yang kedua adalah usaha kerajaan dalam membantu sekolah-sekolah yang tidak berdaftar menyempurnakan proses pendaftaran mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah agama swasta di negeri Johor tertakluk di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama 1991. Melalui semakan kami, sehingga Julai 2023 sebanyak 215 buah sekolah swasta telah sempurna didaftarkan dengan jumlah pelajar melebihi 7,000 orang. Mereka adalah seawal umur 10 tahun sehingga 30 tahun. Sekolah-sekolah ini meliputi 37 jenis sekolah agama swasta merangkumi kategori sekolah tahfiz, sekolah pondok, sekolah menengah Islam dan sekolah rendah Islam dan sebahagiannya sedang dalam proses melengkapkan dokumen. Dalam masa yang sama, Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan Islam telah mengenal pasti sebanyak 266 buah sekolah agama swasta yang masih belum berdaftar termasuk di bawahnya 31 buah sekolah tahfiz, 12 buah sekolah pondok, 10 buah sekolah rendah dan 213 pusat-pusat asuhan kanak-kanak. Jabatan Agama Islam Negeri Johor kini sedang giat untuk memberi pendedahan tentang kewajiban mendaftar kepada institusi pendidikan tersebut.

Di antara keperluan, kita mendaftarkan sekolah-sekolah agama ini di bawah Enakmen tersebut adalah bagi memastikan keselamatan dan juga kesiapsiagaan sekolah tersebut bagi menyediakan pendidikan yang sempurna. Ia juga meliputi status hak milik tanah, perakuan daripada Jabatan Kesihatan, perakuan daripada Jabatan Bomba dan perakuan dari pihak PDRM. Selain daripada itu, Jabatan Agama Islam juga menyelia bahkan memberi tauliah kepada guru-guru agama yang mengajar agama Islam bagi memastikan pendidikan agama yang diterapkan di sekolah-sekolah agama swasta tersebut menepati ciri-ciri pendidikan Agama Islam di negeri Johor Darul Ta'zim. Bagi maksud memantau dan memberi penerangan Jabatan Agama Islam akan terus komited bagi menyeru dan juga menasihati bahkan menggalakkan sekolah-sekolah yang masih belum berdaftar untuk memenuhi keperluan pendaftarannya. Terima kasih.

YB Speaker : Ya sudah.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih kepada YB EXCO telah menjalankan usaha untuk membantu pendaftaran sekolah-sekolah agama swasta yang tidak berdaftar. Di sini Penggaram ingin tahu bagaimana kerajaan memantau dan memastikan kualiti IPIS ini sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan dari aspek keselamatan, keselesaan dan di landasan pendidikan yang ditetapkan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Bagi memastikan mutu pendidikan Agama Islam adalah seragam, Bahagian Pendidikan Agama Islam Negeri Johor telah pun merangka silibus pendidikan agama yang selaras untuk digunakan di seluruh negeri. Pendidikan ini juga mendapat pemantauan dan nasihat daripada pihak JAKIM melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK). Ia merangkumi pelajaran al-Quran, Tajwid, Tauhid, Feqah, Hadith, Akhlak Dan Tasauf juga Sejarah dan Bahasa Arab. Bagi peringkat rendah, kerajaan negeri Johor sangat menggalakkan agar semua institusi pendidikan Islam swasta ini berdaftar peringkat rendah lagi yang menawarkan Kurikulum Standard Sekolah Agama (KSSA) termasuk mata pelajaran Jawi bagi membolehkan mereka menduduki Sijil Darjah 6 Agama, Sijil Darjah Khas Agama di bawah kendalian Bahagian Pendidikan Islam serta Ujian Penilaian Kelas Kafa di bawah kendalian JAKIM.

Bagi isu keselamatan, Bahagian Pendidikan Islam Negeri Johor tidak pernah berkompromi dan sentiasa melakukan pemantauan secara rutin ke setiap sekolah-sekolah agama ini bagi memastikan keselesaan dan juga keselamatan anak-anak kita sewaktu mendapatkan pendidikan. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya No. 11.

Apakah bentuk dan jumlah bantuan atau insentif yang ditawarkan oleh kerajaan bagi menggalakkan lagi golongan belia di negeri Johor untuk menceburi bidang pertanian dan senaraikan program-program latihan untuk menggalakkan belia-belia menceburi sektor pertanian secara komersial ini.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Skudai.

YB Puan Marina binti Ibrahim : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya No. 12.

Senaraikan program dan latihan untuk menggalakkan belia menceburi sektor pertanian secara komersial.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih ADUN Senggarang, terima kasih ADUN Skudai. Soalan ini ada dua bahagian Yang Berhormat Datuk Speaker, iaitu bentuk bantuan dan insentif yang kedua program dan latihan. Kerajaan giat merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi menggalakkan rakyat terutamanya golongan belia bagi menceburi pekerjaan dalam sektor yang kotor, bahaya dan sukar. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah dengan memperkasa peralihan industri kepada teknologi pertanian pintar dalam mewujudkan ekosistem pertanian yang menggalakkan pembinaan kapasiti, pendidikan dan pembangunan serta penggunaan *Internet of Things* (IOT) yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerjaan berkemahiran tinggi. Dalam masa yang sama, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat. Bagi menggalakkan petani-petani atau usahawan muda kekal bersaing dan berdaya maju, pelbagai insentif telah disediakan kepada para belia tani dan diharapkan dapat membantu merencanakan pembangunan industri pertanian sebagaimana yang disediakan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Secara keseluruhannya sebanyak RM5,264,347.00 telah diperuntukkan oleh kerajaan pada tahun 2023 bagi pemberian insentif kepada 1,185 orang belia untuk menyokong dan memperkasakan lagi aktiviti pertanian dan penternakan yang diusahakan mereka menerusi pelaksanaan 12 program insentif. Antaranya ialah Jabatan Pertanian Johor sebanyak RM4,600,000.00; Jabatan Perikanan Negeri Johor RM128,000.00; Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM109,597.00 dan Lembaga Pertubuhan Peladang sebanyak RM400,000.00.

Selain daripada itu Jabatan dan agensi juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat, pelaksanaan kursus serta latihan dan pembelajaran secara teknikal dan *hands on* bagi mewujudkan minat dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam pelaksanaan aktiviti pertanian. Bagi tahun 2023 ini, sebanyak 128 siri kursus dan latihan pelbagai bidang telah dilaksanakan yang melibatkan 4,317 orang belia tani. Antaranya ialah Jabatan Pertanian Negeri Johor melibatkan 143 kursus; Jabatan Perikanan, 17; Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 14 dan Lembaga Pertubuhan Peladang sebanyak 14. Manakala berkaitan dengan program-program latihan ini, saya sebutkan dua tiga jabatan saja Yang Berhormat Speaker. Untuk Jabatan Pertanian Negeri Johor, telah diperuntukkan RM19.9 juta merangkumi 48 projek pembangunan pertanian.

Projek pembangunan ini menyediakan bantuan dalam bentuk *in-kind* atau input-input pertanian seperti benih, baja, racun dan sebagainya termasuk geran padanan yang diharap dapat membantu merencanakan pembangunan industri ini. Daripada jumlah keseluruhan, sebanyak 4.6 juta peruntukan telah diagihkan kepada projek pembangunan pertanian yang melibatkan penyertaan daripada golongan belia dan memberi manfaat kepada 1,146 orang. Antara program atau projek yang melibatkan Jabatan Pertanian ialah Projek Geran Agropreneur Muda, Projek Pembangunan Belia Tani, Projek Pertanian Komoditi atau Kebuniti 2.0, Projek Insentif Pembangunan Tanaman Makanan, Projek Pembangunan Industri Asas Tani, Projek Kolaborasi dan Projek Teknologi dan Mekanisasi Pertanian. Selain insentif projek atau program khidmat nasihat teknikal dan latihan secara insentif di bawah program pengembangan turut dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bagi menggalakkan penglibatan belia di dalam bidang pertanian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar pula bagi tahun 2023 seramai 12 orang belia telah diberi bantuan peralatan ladang ternakan, 5 peserta telah diberi bantuan bahan binaan kandang dan 5 peserta telah diberi mesin perincih dan 2 orang peserta lain telah diberi pasu mudah alih. Terdapat 14 kursus latihan industri dan latihan telah didedahkan kepada golongan belia bagi menceburi bidang pertanian yang melibatkan 675 orang belia. Antara kursusnya ialah Kursus Pengurusan Lembu Pedaging, Kursus

Pengurusan Kambing Pedaging, Kursus Pengurusan Ayam Kampung, Kursus Perniagaan Usahawan Ternak, Kursus Rumusan Pemakanan Ternakan, Kursus Asas Penyembelihan dan Kesedaran Halal dan yang ketujuh Kursus Penghasilan Produk Industri Asas Ternakan. Dan yang ketiga Yang Berhormat Datuk Speaker, kursus yang disediakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor (LPP). Bagi tahun 2023 seramai 417 belia telah terlibat dalam penyertaan kursus dengan jumlah peruntukan sebanyak RM70,000.00 untuk 20 orang telah menerima insentif belia dan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM400.00 telah diberikan kepada keseluruhan belia ini. Antara kursus yang ditawarkan atau disediakan oleh Jabatan atau Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ini ialah:

1. Kursus Teknologi Fertigasi Tanaman *rockmelon*
2. Sinergi Peladang Muda Pertubuhan Peladang
3. Bengkel Peladang Nita Peringkat Negeri Johor
4. Kursus Pemasaran Digital Anak Tani Peladang
5. Program *My Green Team*
6. Geran *Agropreneur* Muda
7. *Agri Prentice*

Yang Berhormat Datuk Speaker, walau bagaimanapun saya fikir, bagi Yang Berhormat Senggarang, Skudai dan kumpulan belia yang berminat untuk mengetahui lebih dalam berkenaan kursus ini saya harap datanglah ke Jabatan atau Pejabat Pertanian Daerah masing-masing. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Sila Puteri Wangsa.

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Johor dan juga agensi-agensinya terlibat yang melibatkan *Internet of Things* dalam pertanian tapi saya juga hendak tanya sekiranya ada pelan daripada kerajaan negeri Johor untuk melaksanakan dan memperkasakan dengan izin Tuan DiPertua, *indoor farming* dengan sebagai contohnya menggunakan kembali ruang-ruang yang sudah lama terbiar, bangunan-bangunan yang kosong dan juga ruang-ruang kosong agar kita dapat mengoptimumkan ruang pertama dan keduanya kita meningkat daya upaya pertanian terutama sekali untuk orang muda dalam keadaan cuaca yang tidak menentu. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bersetuju dengan pandangan itu dan sebenarnya kita memang ke arah itu Insya-Allah Yang Berhormat, cumanya dia bergantung kepada penglibatan belia dan kesediaan belia untuk menjalankan program ini. Saya harap program ataupun cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, disambut oleh belia dan saya hendak berbincang dengan Jabatan atau Pejabat Pertanian Daerah insya-Allah.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum di jawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

YB Speaker : Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan kita lepas ini tiada rehat kita terus sahaja ya, jadi kalau ada yang hendak ke tandas boleh, tetapi hendak merokok tidak boleh.

Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2023.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan

Negeri untuk menimbang Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2023 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2023 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda. Peruntukan yang diperlukan untuk Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2023 adalah berjumlah RM41,231,000.00 di bawah dua (2) Jawatankuasa seperti berikut. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, RM2,200,000.00. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor, RM39,031,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM2,200,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.73 Jabatan Agama Islam Negeri Johor itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.73 – Jabatan Agama Islam Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM2.2 juta diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembangunan Tapak Perkuburan Islam Bandar Putra Kulai, Johor dan kerja-kerja kecemasan di tanah perkuburan meliputi 10 daerah di Johor.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM39,031,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.74 Jabatan Kerja Raya Johor itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.74 – Jabatan Kerja Raya Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM39,031,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf bangunan-bangunan kerajaan negeri.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2023 itu telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2023.

Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM41,231,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2023 itu diluluskan oleh Dewan ini, dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah yang tidak melebihi RM41,231,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2023 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2) TAHUN 2023.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) Tahun 2023 dibacakan kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga, dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan Peruntukan ini merupakan tambahan kedua bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2023. Tambahan Peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM9,077,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan Kedua Tahun 2023 di bawah Tiga (3) Jawatankuasa seperti berikut, Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor – RM4,561,000.00. Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor – RM450,000.00.

Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor – RM4,066,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM3,200,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Bagi Maksud Bekalan B.03 - Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM3,200,000.00 diperlukan iaitu RM500,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembelian kenderaan bagi kegunaan rasmi Timbalan Setiausaha Kerajaan Bahagian Pembangunan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat serta Timbalan Setiausaha Kerajaan Bahagian Sukan, Belia dan Sukarelawan.

Selain itu, sebanyak RM1,500,000.00 bagi menampung pembayaran elaun Ketua Kampung, elaun Ketua Masyarakat Cina dan elaun guru IQFA, RM850,000.00 bagi menampung pembayaran dan penyelenggaraan Kem Timbalan Setia Negeri dan sebanyak RM350,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembelian kelengkapan di Kem Timbalan Setia Negeri. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti adalah seperti berikut: Pelbagai Perkhidmatan RM2 juta, Kem Sultan Ibrahim RM1,200,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,054,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor itu; RM52,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu; RM238,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.49, Pejabat Daerah Kulai itu; RM17,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.53, Pejabat Tanah Muar itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Bagi Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM1,054,000.00 diperlukan iaitu RM300,000.00 untuk menampung pembayaran caj perkhidmatan kawalan keselamatan dan peningkatan kos-kos program, sebanyak RM754,000.00 bagi pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan yang bersara wajib dan kakitangan yang memohon kemudahan pemberian awal *award* wang tunai Gantian Cuti Rehat.

Bagi Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM52,000.00 diperlukan iaitu RM30,000.00 untuk pembayaran Elaun Lebih Masa anggota Jabatan berikutan peningkatan jumlah tuntutan Elaun Lebih Masa yang disebabkan oleh

bencana banjir dan sebanyak RM22,000.00 untuk pembayaran bil utiliti Jabatan kerana peningkatan penggunaan utiliti kesan bencana banjir.

Bagi Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulai, peruntukan tambahan sebanyak RM238,000.00 diperlukan iaitu RM28,000.00 untuk pembayaran utiliti Jabatan kerana perpindahan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Daerah Kulai dan sebanyak RM210,000.00 untuk menampung pembayaran perkhidmatan pembersihan bangunan kerana perpindahan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Daerah Kulai.

Bagi Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, peruntukan tambahan sebanyak RM17,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan yang bersara wajib dan kakitangan yang memohon kemudahan pemberian awal *award* wang tunai Gantian Cuti Rehat.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM70,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.07, Jabatan Pertanian itu. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM380,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bagi Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM70,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran kenaikan caj perkhidmatan kawalan keselamatan.

Bagi Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM380,000.00 diperlukan iaitu RM113,000.00 bagi menampung pembayaran Elaun Lebih Masa anggota Jabatan berikutan peningkatan jumlah tuntutan yang disebabkan oleh bencana banjir, sebanyak RM118,000.00 bagi menampung perbelanjaan bekalan minyak kenderaan terutamanya bot kesan bencana banjir serta sebanyak RM149,000.00 bagi menampung pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan yang bersara wajib kerana kenaikan jumlah kelayakan dari 150 hari kepada 160 hari.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM4,066,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM4,066,000.00 diperlukan iaitu RM100,000.00 bagi menampung pembayaran sewaan kelengkapan bagi majlis rasmi Jabatan dan kos sewaan lain-lain perkhidmatan, sebanyak RM1,864,000.00 bagi menampung peningkatan kos-kos program dan pembayaran bekalan makanan bermasak asrama di MARSAH dan MAAHAD Johor, kenaikan kadar bayaran perkhidmatan pembersihan dan kawalan keselamatan, sebanyak RM11,000.00 bagi menampung pembayaran Ganjaran Pegawai Kontrak yang telah menamatkan kontrak kerana ditawarkan perjawatan tetap dan sebanyak RM2,091,000.00 bagi menampung Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2023 kepada Guru KAFA. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti seperti berikut: Pentadbiran Am, RM611,000.00, Pendidikan Agama Islam, RM3,455,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju, dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 1.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2023 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :-

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2023.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN PERUMAHAN NEGERI JOHOR (PINDAAN) 2023.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmanirrahim, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (Pindaan) 2023 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (Pindaan) 2023.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmanirrahim, Yang Berhormat Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan bagi memperluaskan kuasa sedia ada Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor termasuklah bagi memberi kuasa mendenda, kuasa menguruskan perumahan awam, rumah mampu milik dan hartanah Bumiputera atau apa sahaja perkara berkaitan perumahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa menjejaskan dan menyentuh kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Namun, 80% daripada pindaan yang dicadangkan adalah merangkumi pindaan editorial bagi memastikan Enakmen PKPJ adalah seiring dengan keperluan semasa. Pada dasarnya, Enakmen PKPJ sedia ada mengandungi 58 Seksyen secara keseluruhannya. Terdapat 19 peruntukan baharu yang dimasukkan bagi tujuan menambah baik peruntukan Enakmen PKPJ sedia ada.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan. Tarikh kuat kuasa yang dicadangkan ialah 30 Januari 2022 yang merupakan tarikh PKPJ mula beroperasi.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang bagi merangkumi kuasa dan kewajipan PKPJ sebagai suatu pihak berkuasa.

Fasal 3 mengandungi peruntukan pindaan am yang bertujuan untuk menambah baik ejaan beberapa ungkapan dan istilah yang berkaitan bagi memastikan penggunaan ungkapan dan istilah itu adalah betul dan tepat.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 untuk memasukkan takrif baharu atau untuk meminda atau untuk memotong takrif sedia ada tertentu. Antara takrif baharu yang dimasukkan ialah "Bumiputera", "Hartanah Bumiputera", "Pegawai Penguat Kuasa", "Pemajuan Hartanah", "Perumahan Awam", "Rumah Berstrata" dan "Rumah Mampu Milik". Takrif baharu ini dimasukkan bagi membolehkan Perbadanan melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan supaya selaras dengan pindaan yang dicadangkan.

Subseksyen 2(2) dipinda dan subseksyen 2(3) dimasukkan bagi membolehkan PKPJ menjalankan fungsi sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pengawalan rumah mampu milik dan hartanah Bumiputera.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 3A supaya pengambilalihan fungsi dan peranan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan oleh PKPJ dapat dijalankan dengan berkesan. Pengambilalihan tersebut merangkumi segala aset, liabiliti dan obligasi.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda Seksyen 6 bagi memenuhi kehendak di bawah sub perenggan 5(1) dan (2) Jadual Kedua kepada Akta Perbadanan Kekompetenan Badan Perundangan Negeri 1962 (Akta 380).

Fasal 16 bertujuan untuk membina, meminda Seksyen 13 bagi meluaskan lagi kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas PKPJ sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pemaju-pemaju dan juga pemajuan-pemajuan hartanah khususnya bagi pembangunan rumah perumahan awam, rumah mampu milik dan hartanah Bumiputera.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 13A dan 13B. Seksyen 13A dimasukkan bagi memberi kuasa kepada PKPJ untuk bertindak sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pemaju dan pemajuan hartanah di negeri Johor khususnya bagi pembangunan perumahan awam, rumah mampu milik dan hartanah Bumiputera. Seksyen 13 dimasukkan bagi menghendaki semua pemaju yang menjalankan pemajuan hartanah di negeri Johor berdaftar dengan PKPJ.

Fasal 22 bertujuan untuk membina Subseksyen 18(1) bagi tujuan penyelarasan dengan Seksyen baharu 13A yang dimasukkan.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 25A bagi memberi kuasa kepada PKPJ untuk membuat penetapan melalui pekeliling atau garis panduan dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Fasal 32 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 26A bagi memberi kuasa kepada PKPJ untuk mengenakan apa-apa terma atau syarat dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Fasal 35 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 29A, 29B dan 29C. Seksyen 29A yang dicadangkan membolehkan PKPJ mengusir mana-mana penghuni atau pemilik atau mengambil pemilikan kosong perumahan awam, rumah mampu milik atau hartanah Bumiputera yang disewakan atau dijual oleh PKPJ kepada penghuni atau pemilik itu sekiranya penghuni atau pemilik berkenaan melanggar peraturan yang ditetapkan oleh PKPJ.

Seksyen 29B yang dicadangkan memberi kuasa kepada PKPJ untuk mengawal harga jualan perumahan awam, rumah mampu milik dan hartanah Bumiputera. Manakala Seksyen 29C memberi kuasa kepada PKPJ untuk memasukkan dan memeriksa perumahan awam atau rumah mampu milik atas tujuan siasatan.

Fasal 37 bertujuan untuk meminda Seksyen 31 dengan menggantikan nama jawatan Pengurus kepada Ketua Eksekutif supaya selaras dengan nama jawatan sedemikian sebagaimana dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang lain.

Fasal 39 bertujuan untuk memasukkan Seksyen 32 bagi memberi kuasa kepada PKPJ untuk melantik pegawai penguat kuasa bagi tujuan menjalankan siasatan dan menguatkuasakan peruntukan enakmen dan memberi arahan serta mempunyai kawalan ke atas pegawai penguat kuasa.

Fasal 45 bertujuan untuk meminda Seksyen 37 dengan memotong Subseksyen (1) kerana peruntukan berkenaan menyebut kuasa PKPJ untuk menjual harta miliknya sahaja yang perkara ini adalah bertentangan dengan keseluruhan bahagian V.

Fasal 46 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 37A dan 37B. Seksyen 37A yang dicadangkan memberi kuasa kepada PKPJ untuk memberi arahan kepada pemaju dalam menjalankan fungsinya sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pemaju dan

juga pemajuan perumahan awam, rumah mampu milik dan hartanah Bumiputera. Berkenaan dengan Seksyen 37B, ia dimasukkan bagi memberi kuasa kepada PKPJ untuk menilai, memberikan kelulusan dan menetapkan syarat berkenaan dengan setiap permohonan yang dibuat oleh pemaju dalam menjual dan memindah milik pemajuan hartanahnya kepada mana-mana pemaju atau pihak lain.

Fasal 47 bertujuan untuk meminda Seksyen 38 dengan memotong Subseksyen (1) memandangkan sekatan ke atas pindah milik telah diperuntukkan dalam Subseksyen 38(2) dan PKPJ bebas untuk membuat ketentuan bagi pemilikan rumah awam atau rumah mampu milik dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian masa.

Fasal 50 bertujuan untuk meminda Seksyen 41 bagi memperuntukkan secara khusus persetujuan bertulis daripada PKPJ yang perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum pemindahan harta boleh didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara.

Fasal 51 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 41A bagi memperuntukkan secara khusus tentang rayuan terhadap keputusan PKPJ untuk membeli perumahan awam atau rumah mampu milik pada harga yang ditentukan oleh PKPJ.

Fasal 52 bertujuan untuk meminda Seksyen 42 bagi memperuntukkan penyerahan notis dalam hal ehwal sewa atau bayaran ansuran tidak dibayar dalam masa yang ditentukan oleh PKPJ atau jika mana-mana syarat bagi penyewa atau pemegang lesen untuk menduduki tidak dilaksanakan dan tidak dipatuhi.

Fasal 62 bertujuan untuk meminda Seksyen 57 dengan memasukkan perkataan "Pegawai Penguat Kuasa" supaya selaras dengan Seksyen baharu 32A.

Fasal 63 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 57A dan 57B. Seksyen 57A dimasukkan bagi memperuntukkan penalti yang lebih tinggi kepada pemaju yang melanggar peruntukan Enakmen. Kadar denda atau hukuman yang dicadangkan adalah berdasarkan Enakmen Lembaga Perumahan Negeri Johor 2014. Seksyen 57B dimasukkan bagi memperuntukkan penalti terhadap pemilik, pembeli, penjual, penyewa, pemegang lesen atau penghuni perumahan awam atau rumah mampu milik yang melanggar peruntukan Enakmen.

Fasal 65 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baharu 59, 60, 61, 62 dan 63. Seksyen 59 mengadakan peruntukan tentang rayuan oleh mana-mana pihak terhadap keputusan PKPJ. Seksyen 60 memperkatakan penyerahan dokumen secara elektronik kepada PKPJ, manakala Seksyen 61 memperkatakan pengeluaran dokumen secara elektronik oleh PKPJ. Seksyen 62 dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana penyerahan atau pengeluaran dokumen secara elektronik adalah diterima sebagai keterangan dan Seksyen 63 memperkatakan penggulungan dan pembubaran PKPJ.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah pindaan kecil dan berbangkit. Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kerajaan negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan 59, maka bolehlah dibahaskan akan rundingan itu tetapi hendaklah dihadkan

perbahasan itu kepada dasar-dasar dan faedah-faedah Rang Undang-Undang ini sahaja. Kalau tak ada, sila Benut.

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pertama mengucap tahniah kerana mula-mula tadi tertanya-tanya juga sama ada ada ruang untuk perbahasan, nampaknya diberi peluang. Mungkin akan datang Yang Berhormat Speaker, mungkin kita boleh bagi satu salinan tentang usul yang dibawa untuk pindaan Enakmen ini. Walaupun pada tajuknya merupakan pindaan-pindaan yang bersifat hanya merujuk kepada istilah dan juga pengertian bahasa, tetapi saya ingin menyatakan kepada Dewan ini bahawa pindaan ini juga ada menyentuh perkara-perkara yang akan berkait dengan soal birokrasi.

Saya bagi contoh pindaan Seksyen 37A ini, 37A Perkara 3, Pendaftar Hak milik tidak boleh tanpa persetujuan bertulis Perbadanan mendaftarkan apa-apa pindah milik mengenai mana-mana pemajuan tanah. Sama ada kalau kita nak bagi kuasa sepenuhnya kepada PKPJ, adakah boleh kita beri hak atau kuasa kepada PKPJ untuk mendaftarkan hak milik selain daripada tapi tujuan pindaan ini kita mengatakan bahawa perlu mendapat persetujuan. Yang ini kalau faham saya bererti bahawa Pendaftar Hak milik orang lain, atau jabatan lain, tapi jabatan itu tidak boleh mengeluarkan hak milik selagi PKPJ tidak bersetuju, jadi ini dari segi birokrasi. Kita tahu bahawa antara perkara yang menjadi kekangan dalam usaha untuk kita menarik pelaburan ialah tentang soal birokrasi yang terlalu panjang, yang terlalu rumit, yang terlalu, jadi ini adalah satu perkara yang mungkin tidak begitu jelas dalam usaha kerajaan untuk menarik pelaburan, *ease of doing business*, jadi bila kita mengadakan perkara-perkara tambahan begini, ini melibatkan birokrasi. Kalau itu halnya, mungkin kita boleh lihat sama ada pindaan itu tentu dengan jelasnya mengurangkan birokrasi.

Saya tak pasti, Yang Berhormat EXCO mungkin ada penjelasannya kenapa kita perlu ada dua ataupun kenapa kita perlu tunggu PKPJ setujukan baru boleh daftar hak milik sedangkan Pendaftar Hak milik yang sedia ada sekarang ini ada dia punya peraturan-peraturannya, ada dia punya kaedah-kaedah pendaftarannya. Itu antara satu perkara, ada 19 peruntukan baharu, jadi tak ada kesempatan untuk kita melihat perkara-perkara tersebut kerana baru hari ini diberi sedikit masa sahaja, jadi kalaulah cantik kita ada masa yang lebih panjang, Dewan ini boleh bahas perkara yang sepenting ini, itu suatu perkara yang saya, tetapi walau bagaimanapun saya bersetuju aje asalkan perkara ini adalah untuk kebaikan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Ya EXCO nak bagi respons?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih YB. Bila kita bercerita tentang rumah mampu milik, dalam sejarah selama 25 tahun kalau kita kumpulkan secara data selama 25 tahun, kita dapati sebanyak 153,000 buah rumah mampu milik tidak dibina oleh pemaju-pemaju. Ini adalah disebabkan walaupun pemaju itu dah hantar permohonan dan telah diluluskan peringkat KM ataupun di peringkat Kebenaran Merancang di peringkat PBT-PBT. Daripada data yang kita dapat di bawah PKPJ, selama 25 tahun 153,000 buah rumah mampu milik yang harganya di bawah RM300,000.00 tidak dibina oleh pemaju-pemaju disebabkan ada *grey area* di antara pihak berkuasa dengan di peringkat pemaju-pemaju. Sebab itu Dasar Perumahan Johor ini, Dasar Perumahan Johor di peringkat kita ialah mana-mana pembangunan perumahan, 60% diberikan kepada pemaju untuk mereka membina rumah pasaran bebas. Dia nak letak harga RM700,000.00 ke RM800,000.00 ke RM1 juta ke RM2 juta terpulung kepada pemaju. Tetapi 40% mesti dibina Rumah Mampu Milik Johor yang harganya di bawah RM300,000.00, RM200,000.00, RM100,000.00 dan RM50,000.00. Apa yang kita buat untuk perumahan di Johor ini ialah selama ini, selama 25 tahun kita lihat banyak rumah mampu milik tidak dibina oleh pemaju disebabkan bidang kuasa di peringkat SUKT Perumahan sebelum ini tidak dapat mengekang apa, permohonan di peringkat pemaju bila dia tidak membuat rumah mampu

milik bagi 40%. Sebagai contoh, satu *submission* pelan permohonan rumah mampu milik 100 ekar, sepatutnya 60 ekar itu dibina oleh terpulung kepada pemaju membina rumah pasaran bebas yang harga mahal tetapi 40% tu sepatutnya pemaju membina 40% Rumah Mampu Milik Johor. Tetapi apa yang berlaku, pemaju membuat permohonan kedua, permohonan pertama dia siapkan 60% pasaran bebas tetapi 40% tidak dibina, dia buat permohonan projek yang kedua dan perkara yang sama juga berlaku, 60% rumah pasaran bebas siap tetapi rumah mampu milik yang 40% tu tidak dibina. Isu ini berlarutan sepanjang 25 tahun.

Sebab tu rekod kita menunjukkan 153,000 rumah mampu milik tidak dibina. Tetapi alhamdulillah, selepas semenjak tahun lepas kita di peringkat 16 PBT, MBBB, Iskandar Puteri, Pasir Gudang, Muar dan sebagainya 16 PBT di peringkat Mesyuarat Setempat (OAC), apa sahaja permohonan pemaju kepada PBT-PBT yang dia ada hutang kepada kerajaan tidak membuat rumah mampu milik, dia tidak boleh *proceed* dan serahkan pada bidang kuasa PKPJ iaitu kita di peringkat kerajaan ada menubuhkan satu pasukan dipanggil *task force*. *Task Force Johor* ini PDRC, *Plan* dengan izin, *Design Review Community*. Jadi pemaju semua 16 PBT dah faham, kalau pemaju ini tidak menunaikan tanggungjawab dia untuk membuat rumah mampu milik, proses itu tidak akan berjalan di peringkat KMPBT itu sendiri. Maksudnya di peringkat saya dan pasukan saya yang dalam *Task Force* PDRC itu yang terdiri daripada saya, PLAN Malaysia, Dato' PTG, Datuk-Datuk Bandar yang terlibat untuk berbincang dengan pemaju-pemaju dalam istilah *win-win*.

Win-win ni maksudnya kita berbincang dalam satu mesyuarat untuk kalau dulu harga rumah RM25,000.00, 10 tahun lepas, 15 tahun lepas, pemaju berhutang harga rumah RM35,000.00, mana mungkin dia nak buat rumah pada sekarang ni, pada waktu sekarang ni. Fasal nilai sebuah nilai, satu rumah pada ketika ini kalau *square feet* dia 700 lebih, nilai dia dah cecah RM140,000.00, RM150,000.00. Jadi apa yang berlaku, kita di peringkat kerajaan berbincang, berfaham-faham dengan pemaju ini untuk meningkatkan harga rumah di kawasan-kawasan tertentu dan dalam Mesyuarat PDRC itu kita ikat dalam Minit Mesyuarat dan kita ikat dari sudut *time frame* bila nak dilaksanakan, di kawasan mana dan di sinilah untuk maklumat Datuk Speaker bermula daripada tahun lepas daripada Mesyuarat PDRC kita untuk 54 pemaju melibatkan 16 PBT sebahagian eh, sebahagian pemaju bersetuju untuk membina Rumah Mampu Milik Johor. Dan setakar ini atau lepas kita *target* 2,400, kita dapat bina 3,000 unit. Tahun ni kita *target* 2,400 juga kita dapat jangkakan akan bina 4,000 unit dan insya-Allah sepanjang 5 tahun sehingga tahun 2026, kita akan siapkan pembinaan rumah mampu milik 30,000 unit. Terima kasih.

YB Speaker : Cuma Benut tadi Yang Berhormat minta supaya kalau boleh deraf itu disediakan lebih awal supaya mereka dapat persiapan untuk membuat perbahasan.

Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju Rundingan ini, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (Pindaan) 2003.

Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 2.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 3.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 5.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 7.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 10.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 16.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 16 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 16 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 17.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 17 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 17 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 22.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 22 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 22 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 30.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 30 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 30 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 32.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 32 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 32 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 35.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 35 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 35 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis boleh sebut tak 37 sampai...

Jurutulis : Fasal 37.

YB Pengerusi : 65 sekali je.

Jurutulis : Fasal 37, Fasal 39, Fasal 45, Fasal 46, Fasal 47, Fasal 50, Fasal 51, Fasal 52, Fasal 62, Fasal 63 dan Fasal 65.

YB Pengerusi : Fasal 37 hingga Fasal 65. Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 37 hingga 65 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang lain bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 37 hingga 65 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor Pindaan 2023 dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (Pindaan) 2023.

Dan hendaklah mula disifatkan berkuat kuasa pada 30 Januari 2022.

RUNDINGAN MENGENAI PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURUSAN BENCANA NEGERI JOHOR BILANGAN 1 TAHUN 2023.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan daripada Yang Berhormat Pemanis telah diterima oleh Jurutulis Dewan Negeri Johor di bawah Peraturan Tetap Bilangan 30(2),

Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat hanya diberi masa selama 12 minit sahaja. Sila.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan mengenai Penyata Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Maju Johor. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana menerima dan memberi peluang kepada saya untuk membawa Rundingan Kesan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai maklumat Ahli Dewan yang mulia ini segala isu dan dapatan yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor ada dinyatakan di dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 30 untuk tahun 2023. Yang Berhormat Datuk Speaker, negeri Johor telah mengalami pengalaman yang buruk dalam menghadapi bencana banjir yang pernah berlaku di penghujung tahun 2006 dan awal tahun 2007 dan yang terkini kita menghadapi sekali lagi fenomena bencana banjir teruk pada Februari hingga Mac 2023 yang lalu. Kita tidak dapat menafikan bahawa kejadian fenomena bencana banjir besar ini berkemungkinan adalah kesan daripada perubahan iklim yang berlaku bukan sahaja di negeri Johor tetapi meliputi seluruh dunia. Dalam usaha memahami kesan perubahan iklim dan mengenal pasti isu berkaitan dengan kesan perubahan iklim dan pengurusan bencana. Saya dan Ahli Jawatankuasa telah mengadakan sesi lawatan ke Singapura pada bulan Mei yang lalu dan juga sesi lawatan ke kawasan yang terjejas teruk di Batu Pahat serta beberapa siri mesyuarat dan libat urus bersama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Johor dan jabatan-jabatan berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyedari peluang yang diberikan oleh Dewan yang mulia ini bagi mengemukakan penjelasan dan dapatan mengenai isu yang dihadapi oleh negeri Johor berkaitan dengan proses beradaptasi kita terhadap kesan perubahan iklim dan pengurusan bencana terutamanya bencana banjir yang sering dihadapi oleh negeri Johor adalah menjadi suatu tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat dan juga sebagai bukti bahawa kerajaan negeri Johor mengambil serius berkaitan dengan kesan bencana ini terhadap orang awam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hasil daripada usaha Jawatankuasa dalam mengenal pasti kesan-kesan perubahan iklim dan puncanya kepada bencana banjir yang berlaku di negeri Johor terutamanya bencana yang berlaku pada bulan Februari hingga Mac 2023 yang lalu. Tujuan Jawatankuasa Pilihan ini adalah untuk mendapatkan segala informasi dan keadaan sebenar berkaitan situasi banjir yang melanda negeri Johor, mengenal pasti kelemahan tadbir urus pengurusan bencana negeri baik di peringkat daerah, mahupun di peringkat negeri dan juga permasalahan yang dihadapi oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang terlibat dalam pengurusan bencana di negeri Johor. Dan seterusnya, saya mengesyorkan pandangan kepada kerajaan negeri bagi tindakan yang difikirkan boleh menambah baik pengurusan bencana dan mengurangkan risiko kerosakan infrastruktur awam dan harta benda awam ke tahap yang minima akibat daripada bencana banjir, banjir kilat dan juga banjir termenung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dapatan-dapatan daripada Jawatankuasa hasil daripada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dan taklimat libat urus yang dilaksanakan di peringkat daerah dan juga negeri serta lawatan kerja yang telah dilakukan adalah sebagaimana berikut:

1. Teknologi sistem amaran banjir agak lapuk dan tidak praktikal seperti siren amaran banjir. Kita perlu menggunakan teknologi terkini seperti aplikasi telefon pintar untuk memberikan amaran kepada rakyat.
2. Isu kekurangan aset METMalaysia seperti tolok hujan, jumlah yang ada perlu ditambah untuk bacaan yang lebih tepat.
3. Kegagalan sistem saliran dan perparitan. Terdapat isu di beberapa kawasan jalan utama di mana sistem perparitannya ditutup sepenuhnya.
4. Faktor penguatkuasaan yang terlalu longgar yang menyebabkan aktiviti pembuangan sampah secara haram di dalam sistem saliran terutamanya sungai-sungai yang ada di negeri Johor ini.
5. Faktor kekurangan aset jabatan dan agensi berkaitan. Yang ini kita perlu pandang serius untuk menangani masalah berkaitan dengan bencana terutamanya banjir di negeri Johor.
6. Isu empangan melepaskan air yang telah menyebabkan banyak kawasan terutamanya di Batu Pahat khususnya di Seri Medan dilanda banjir dan terjejas teruk. (Dewan bertepuk).
7. Isu peruntukan tahunan dan tambahan terutamanya daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam menangani masalah banjir kilat, banjir dan banjir termenung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, antara hasil dapatan Jawatankuasa daripada sesi taklimat dan lawatan kami ke Singapura yang saya boleh kongsi di dalam Dewan yang mulia ini adalah sebagaimana berikut:

1. Menguatkuasakan peraturan supaya setiap projek pembangunan baharu perlu menyediakan tangki takungan air di bawah bangunan atau taman riadah yang boleh berfungsi sebagai kolam tadahan air. Yang ini kita perlu wajibkan untuk setiap pembangunan.
2. Menggunakan penghadang banjir ataupun *autoself flood barrier*, dengan izin, bagi mengurangkan risiko air memasuki kawasan kediaman, komuniti dan hab ekonomi di kawasan bandar.
3. Menambah had ketinggian laluan pejalan-pejalan kaki di kawasan berisiko seperti MRT dan kawasan *basement*, pusat membeli belah seperti di kawasan *Orchard Road*.
4. Penggunaan teknologi moden seperti *drone* dan bot perangkap sampah kawalan jauh dalam mengawal dan memantau persekitaran di kawasan tadahan.
5. Untuk mencegah hakisan banjir dan pantai, pihak PUB telah membina tembok yang kukuh selari dengan tebing sungai yang mempunyai dasar sungai yang rendah dengan menggunakan konsep seperti 'Lego' iaitu konsep dan teknologi yang berasal daripada Belanda.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hasil penemuan daripada isu dan dapatan yang saya sebutkan tadi, berikut adalah antara syor dan cadangan Jawatankuasa kepada kerajaan negeri Johor:

1. Mengesyorkan kerajaan negeri memberikan peruntukan kepada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Johor (METMalaysia) bagi penambahan stesen *Meteorology Automatic Auxiliary* (AAWS) di seluruh negeri Johor.
2. Menambah baik tadbir urus di pusat penempatan sementara (PPS). Dicadangkan supaya kerajaan negeri Johor mewujudkan satu pangkalan data bersepadu ataupun *database* yang bersepadu yang mengandungi segala maklumat berkenaan dengan pengurusan banjir termasuk senarai nama ketua isi rumah yang terlibat dengan banjir. Pangkalan data ini hendaklah sentiasa dikemaskini dan boleh digunakan bagi tujuan proses bantuan penyelamatan dan juga proses bantuan wang ihsan pasca banjir. Tak adalah setiap kali banjir nak isi borang, nak isi borang, nak isi borang, dua tiga kali isi borang. Kita kena ada satu pangkalan data yang bersepadu.
3. Mencadangkan supaya kerajaan negeri mengazetkan lebih banyak kawasan hijau di bandar serta menggantikan semula kawasan hijau yang telah digunakan untuk pembangunan. Yang ini kerajaan kena ambil serius.
4. Jawatankuasa mencadangkan peruntukan penyelenggaraan tahunan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor bagi kerja-kerja penyelenggaraan saliran, sungai dan perparitan perlu ditambah peruntukannya. Selalu sangat mengadu tak cukup peruntukan.
5. Mencadangkan satu peruntukan kecemasan diberikan kepada Pejabat Daerah, ha ni DO-DO suka agar pengurusan situasi banjir dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, pantas dan efisien (Dewan bertepuk). Setujukan?
6. Jawatankuasa mengesyorkan supaya cadangan pengwujudan Pusat Kelestarian Johor atau lebih dikenali sebagai *Johor Sustainability Centre* (JSC) disegerakan penubuhannya. Ia penting Yang Berhormat Datuk Speaker dalam usaha kerajaan beradaptasi dengan kesan perubahan iklim dan juga sebagai usaha untuk kerajaan mencari sumber tenaga guna semula tenaga.
7. Jawatankuasa mengesyorkan supaya semua PBT, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor menjalinkan usaha sama dengan kepakaran universiti awam terutamanya Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam membuat kajian dan menghasilkan pelan tindakan iklim bagi mengenal pasti PBT dan daerah mana yang melepaskan jejak karbon ataupun *carbon footprint* terbanyak. Data pelepasan gas karbon dalam pelan tindakan iklim tersebut juga boleh digunakan oleh kerajaan negeri bagi melaksanakan tindakan urus niaga karbon ataupun *carbon trading* dan kredit karbon ataupun *carbon credit* di peringkat PBT Negeri Johor. Ini peluang kepada PBT untuk menambah pendapatan.
8. Jawatankuasa mencadangkan pelaksanaan Pelan Tindakan Iklim Negeri Johor 2050, *Johor State Climate Exchange Plan 2050*, dengan izin, perlu kita segerakan supaya negeri Johor tidak ketinggalan dalam usaha menangani dan beradaptasi dengan kesan perubahan iklim.
9. Jawatankuasa mencadangkan supaya kerajaan negeri menjalinkan kerjasama dengan kepakaran yang berkaitan dengan perubahan iklim daripada universiti awam atau swasta terutamanya Universiti Teknologi Malaysia dalam membuat kajian segera bagi mendapatkan data pelepasan karbon ataupun *carbon emissions* untuk seluruh negeri Johor secara inventori.
10. Hasil daripada dapatan lawatan ke Singapura, Jawatankuasa mengesyorkan kerajaan negeri untuk membuat kajian bagi mewujudkan peraturan yang

membolehkan *credit carbon* ataupun karbon kredit atau urus niaga karbon (*carbon trading*) dapat kita laksanakan di negeri Johor. Usaha ini penting kerana hasil daripada cukai tersebut akan membolehkan kerajaan mendapat pendanaan yang boleh disalurkan sebagai peruntukan bencana negeri.

Oleh yang demikian Datuk Speaker, saya memohon jasa baik semua rakan-rakan Ahli Dewan tak kiralah di peringkat kerajaan, di peringkat pengimbang untuk menyokong rundingan yang telah saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Tahniah Pemanis. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada sokongan terhadap rundingan yang dibawa ini?

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Oleh kerana rundingan itu disokong, saya membenarkan rundingan itu dibahaskan oleh seorang ADUN sahaja. 10 minit, sila.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya menyokong sepenuhnya Penyata Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor berkenaan dengan strategi dan langkah-langkah penambahbaikan untuk mengatasi masalah banjir dan bencana alam di negeri ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa yang telah bertungkus lumus mengetuai usaha, cadangan dan syor dalam menangani kesan perubahan iklim dan bencana. Mengikut kajian, kerugian yang diakibatkan oleh banjir di Malaysia mencecah RM6.1 bilion pada tahun 2021 dan RM622.4 juta pada tahun 2022. Angka ini pasti akan lebih dahsyat lagi sekiranya tiada usaha konkrit dan konsisten untuk menangani fenomena perubahan iklim dan kesan bencana.

Strategi pengurusan bencana banjir yang efektif adalah penting bagi mengurangkan dan menangani kesan buruknya sebanyak mungkin apabila ia menimpa kita. Fenomena ini adalah satu cabaran yang agak sukar untuk ditangani dalam jangka masa singkat kerana ia telah pun berlaku sejak puluhan tahun lalu yang menjadi semakin runcing berikutan sikap dan gaya hidup masyarakat yang tidak sebagai masyarakat yang tidak *environmental friendly*. Justeru itu, pengurusan bencana dan usaha untuk menangani perubahan iklim di Malaysia terutamanya Johor perlu diselaraskan berlandaskan Akta dan Enakmen yang berkaitan dan sedia ada. Oleh yang demikian, Jawatankuasa telah mengutarakan pelbagai cadangan dan syor membolehkan kita lebih bersiap siaga. Strategi pengurusan bencana merangkumi peringkat persediaan, peringkat respon dan peringkat pemulihan antaranya sistem ramalan awal, pemetaan risiko banjir, kesedaran dan kesiapsiagaan menghadapi banjir, infrastruktur berdaya tahan iklim dan pengukuhan kemampuan dan latihan. Antara yang perlu diambil serius adalah penambahbaikan sistem untuk mendapatkan ramalan banjir dan ribut petir dalam kadar yang lebih pantas dan tepat dengan *real time data*, dengan izin. Dengan ini, pihak berkuasa mampu mengeluarkan notis arahan pemindahan dengan lebih efisien, membantu orang ramai bersedia untuk sebarang kemungkinan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada bulan Mei yang lalu, Jawatankuasa juga telah mengadakan lawatan ke Singapura untuk melihat dan belajar tentang infrastruktur berdaya tahan iklim yang telah dilaksanakan oleh mereka selain bertukar pendapat bagi meningkatkan hubungan baik antara dua negara. Laporan ini juga menyentuh berkenaan dengan kepentingan pada peringkat respons di mana kami telah pun melakarkan beberapa strategi termasuk pelan pemindahan, perkhidmatan kecemasan, penyaluran bantuan komunikasi dan koordinasi.

Sokongan dan dokongan *legislative* serta iltizam politik juga dilihat sangat diperlukan dalam menghadapi isu perubahan iklim selain mencapai masa depan yang berdaya tahan dan lestari. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada strategi bagi menggerakkan tindakan adaptasi dan mitigasi perubahan iklim di Johor. Antaranya termasuklah menggalakkan pengadaptasian dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, pemulihan dan penanam semula kawasan hutan, pendidikan dan kesedaran berkenaan perubahan iklim dan juga infrastruktur berdaya tahan iklim. Jawatankuasa ini juga mencadangkan untuk menubuhkan pelbagai adaptasi dalam bidang sumber tenaga boleh ubah seperti solar, angin, hidroelektrik dan misi karbon sifar agar ia dapat dikaji dan dilaksanakan dengan pantas untuk mencapai sasaran kita kepada misi karbon sifar.

Yang Berhormat Speaker, dalam Laporan Jawatankuasa ini juga terdapat 14 syor Jawatankuasa kepada kerajaan negeri Johor. Di mana syor tersebut merangkumi Stesen Meteorologi Automatik Auksiliari, sistem amaran sensor pintu air dan pam air. Jawatankuasa Khas untuk Bandar Span, aplikasi mudah untuk orang awam berkenaan sistem amaran bencana bersepadu dan sebagainya.

Kita yakin kerajaan perpaduan pusat sentiasa prihatin terhadap masalah banjir kilat dan bencana yang berlaku di negeri Johor di banyak-banyak peruntukan disalurkan ke negeri ini oleh kerajaan persekutuan. Oleh itu adalah diharap pihak kerajaan dapat mengilaukan jumlah peruntukan yang sewajarnya mengikut keperluan, di mana jumlah ini adalah lebih rendah berbanding dengan kos peruntukan yang terpaksa kerajaan salurkan akibat bencana banjir yang berlaku. Pasca banjir.

Jawatankuasa juga mencadangkan peruntukan tambahan sebanyak RM85 juta lagi bagi melancarkan kerja penyelenggaraan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran secara menyeluruh. Dan bagi memenuhi komitmen kerajaan negeri terhadap Bantuan Pasca Banjir melalui Bantuan Wang Ihsan, Bantuan Keperluan Asas, Bantuan Pembaikan Rumah, kerajaan masih memerlukan peruntukan tambahan daripada kerajaan persekutuan sebanyak RM229 juta.

Jawatankuasa ini juga mengesyorkan untuk mewujudkan satu pangkalan data bersepadu yang sentiasa dikemas kini bagi proses bantuan penyelamatan dan wang ihsan yang lebih efektif. Selain itu, dengan mewujudkan PPS kekal di kawasan yang dikenal pasti sebagai *hotspot* banjir amatlah digalakkan. Jawatankuasa ini juga mencadangkan untuk menyegerakan Pelan Tindakan Iklim Johor 2050 (*Johor State Climate Action Plan 2050*) supaya kita tidak ketinggalan dalam usaha menangani dan beradaptasi dengan kesan perubahan iklim.

Jawatankuasa juga mengesyorkan kerajaan negeri untuk membuat kajian bagi mewujudkan peraturan yang membolehkan *credit carbon* atau urus niaga karbon dapat dilaksanakan di negeri ini.

Akhir sekali, terima kasihlah diucapkan kepada semua agensi yang terlibat dalam sesi libat urus, banyak input dan data telah pun diberikan seperti isu empangan melepaskan air, pengurusan sampah di kawasan luar bandar dan isu penempatan sementara diberikan. Semua ini sangat penting, terima kasih (Dewan bertepuk). Kesimpulanlah, marilah kita bersama-sama, MB, EXCO-EXCO, pegawai pelaksana berganding bahu dan menggembelng tenaga bagi mengurangkan risiko yang lebih buruk rentetan banjir yang sering melanda berikutan perubahan iklim yang tidak menentu. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Tahniah Stulang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon agar membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu. Terima kasih.

YB Speaker : Alhamdulillah selesai sudah Persidangan kali ini. Saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dan juga Ketua-Ketua Jabatan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ucapkan selamat kembali ke kawasan masing-masing. Ada kematian, ziarah, ada majlis kahwin, datang, pandai-pandailah cari dana tapi jangan minta melalui *facebook*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Puan Zarina binti Abdul Kadir

Penolong Jurutulis

Encik Azlan Afandi bin Sauffee Afandi

Koordinator

Cik Norzita binti Abdul Aziz

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah
Encik Muhammad Khairul bin Arop

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Hajah Azlin bin Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Puan Norhafizah binti Osman
Raihanah binti Ismail

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md Sidi
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

Juruaudio Video

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh
Encik Ismail bin Abu Bakar

*UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR
14 SEPTEMBER 2023*